

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VII)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

1. Senaraikan projek dan program yang telah dicapai dalam Tema A1 dan A2 Penang2030 oleh Kerajaan Negeri serta MBPP.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

1. **Visi Penang2030** merupakan hala tuju strategik Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang bersifat holistik dan menyeluruh. Ia merangkumi pelbagai aspek pembangunan yang memberi manfaat kepada negeri serta rakyat Pulau Pinang secara keseluruhan. Visi ini digariskan menerusi empat(4) tema utama:
 - (a) **Tema A** – Meningkatkan daya huni bagi menambah baik kualiti kehidupan;
 - (b) **Tema B** – Menaik taraf ekonomi bagi meningkatkan pendapatan isi rumah;
 - (c) **Tema C** – Memperkasa rakyat bagi meningkatkan penyertaan awam; dan
 - (d) **Tema D** – Melabur dalam persekitaran terbina bagi menambah baik daya pemulihan.

Inisiatif Strategik A1: Menangani isu kemampuan dan kepelbagaian perumahan; dan **Inisiatif Strategik A2:** Meningkatkan keselamatan dan kebersihan awam secara berterusan, merupakan dua Inisiatif Strategik di bawah Tema A.

Pencapaian Inisiatif Strategik A1:

Tiga (3) sasaran dan pencapaian di bawah Inisiatif Strategik A1 adalah seperti berikut:

- (i) Menyediakan sebanyak **220,000 unit Rumah Mampu Milik (RMM)**;

Pencapaian:

Sehingga **30 Mac 2025**, sebanyak **166,607 unit RMM** yang merangkumi **kategori A, B dan C** telah siap dibina atau sedang berada dalam pelbagai peringkat pembinaan. Usaha ini melibatkan pelbagai kerjasama antara Kerajaan Negeri dengan pihak pemaju swasta dan agensi berkaitan.

Perumahan ini disediakan secara menyeluruh di kedua-dua kawasan pulau dan Seberang Perai. Pencapaian ini menunjukkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam memastikan setiap lapisan masyarakat mempunyai akses kepada kediaman yang berkualiti dan berpatutan. Senarai lengkap projek dan lokasi adalah sebagaimana di **LAMPIRAN A**.

- (ii) Memastikan **3,000 keluarga mendapat manfaat** daripada pelaksanaan skim perumahan urban;

Pencapaian:

Bagi **skim perumahan urban**, seramai **6,837 keluarga telah menerima manfaat** daripada inisiatif ini setakat 30 Mac 2025.

Melalui pelaksanaan skim perumahan urban yang menyasarkan keluarga berpendapatan rendah yang menetap di kawasan bandar.

Melebihi dua kali ganda daripada sasaran asal, pencapaian ini mencerminkan penerimaan baik serta keperluan mendesak rakyat terhadap model perumahan berkonsepkan urban.

- (iii) Menyediakan sebanyak **22,000 unit rumah skim sewa beli**.

Pencapaian:

Sehingga 30 Mac 2025, sebanyak **4,544 unit rumah di bawah skim sewa beli** telah berjaya disediakan kepada rakyat Pulau Pinang.

Skim ini menawarkan peluang kepada rakyat yang belum mampu membeli rumah secara langsung untuk menduduki kediaman terlebih dahulu dengan opsyen pembelian pada masa akan datang. Ia memberi ruang kepada rakyat untuk merancang kewangan jangka panjang dan secara bertahap menjadi pemilik rumah. Senarai projek berkaitan adalah sebagaimana dilampirkan.

Pencapaian Inisiatif Strategik A2:

Empat (4) sasaran dan pencapaian di bawah Inisiatif Strategik A2 adalah seperti berikut:

- (i) Pembinaan **tapak pemindahan sisa pepejal Ampang Jajar** bagi rawatan sisa organik;

Pencapaian:

Progres kemajuan pembinaan tapak pengurusan sisa pepejal organik di Ampang Jajar telah mencapai **82.85%** setakat 30 Mac 2025. Tapak ini akan menjadi pusat rawatan sisa organik pertama yang berskala besar di Pulau Pinang, dan disasarkan mula beroperasi pada Julai 2025.

Apabila siap, ia dijangka dapat meningkatkan kecekapan pelupusan sisa serta mengurangkan sisa organik yang berakhir di tapak pelupusan, selaras dengan matlamat kelestarian alam sekitar negeri.

- (ii) Mencapai kadar **kitar semula sebanyak 70%** di seluruh negeri menjelang tahun 2030;

Pencapaian:

Setakat Mac 2025, kadar kitar semula di negeri Pulau Pinang telah mencapai **50.02%**, menjadikan Pulau Pinang negeri dengan kadar kitar semula yang amat tinggi di Malaysia.

- (iii) Penilaian kualiti air di **33 stesen kualiti marin** yang disasarkan berada dalam kategori baik menjelang 2030;

Pencapaian:

Sebanyak **33 stesen manual pemantauan kualiti marin** telah dipasang di seluruh kawasan pesisiran negeri. Inisiatif ini bertujuan untuk menilai status ekologi laut dan mengenalpasti sebarang ancaman terhadap kualiti perairan.

Data yang dikumpul akan menjadi asas penting dalam merancang tindakan pemuliharaan marin, pengawalan aktiviti pembangunan pesisir, dan pelaksanaan polisi alam sekitar yang lebih menyeluruh.

- (iv) Pemasangan **5,000 unit kamera litar tertutup (CCTV)** di seluruh negeri menjelang 2030.

Pencapaian:

Sebanyak **1,484 unit kamera litar tertutup (CCTV)** telah berjaya dipasang setakat 30 April 2025, sebagai sebahagian daripada inisiatif menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri pintar dan selamat.

Daripada jumlah ini, **1,137 unit dipasang oleh MBPP** dan **347 unit dipasang oleh MBSP**.

CCTV ini memainkan peranan penting dalam pemantauan keselamatan awam, pencegahan jenayah serta menyokong penguatkuasaan undang-undang oleh pihak berkuasa tempatan secara lebih efisien.

Bagi memperkasakan pencapaian inisiatif strategik A2, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Antaranya termasuk:

- 1) Tambahan 96 unit kamera CCTV akan dipasang pada akhir tahun 2025. Di samping itu, sebahagian kamera CCTV tersebut akan dipasang dengan program analitik video seperti pengesanan plat nombor kenderaan, pengiraan bilangan kenderaan, pengesanan kemalangan jalan raya, kesesakan jalan raya, peletakan kenderaan secara haram, objek halangan dan banjir.
- 2) MBPP turut melaksanakan beberapa program/inisiatif yang memfokuskan kepada kebersihan dan kelestarian alam sekitar. Antara program/inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

(a) **Dasar Pengasingan Sisa di Punca**

- (i) Dikuatkuasakan pada **1 Julai 2014**, dan diaktifkan semula penguatkuasaan pada 1 Julai 2024 selepas pandemik Covid-19.
- (ii) Bertujuan untuk menggalakkan **budaya kitar semula** dalam kalangan penduduk.
- (iii) Melibatkan **pengasingan sisa secara sistematik** sebelum dikumpulkan di pusat kitar semula.

(b) **Kemudahan Kitar Semula**

- (i) **33 pusat kitar semula** telah diwujudkan dengan kerjasama pelbagai pihak.
- (ii) **135 set tong kitar semula** diedarkan kepada kawasan perumahan berstrata kos rendah.
- (iii) Penyediaan tong dan pusat kitar semula adalah langkah penting dalam melancarkan pengasingan sisa, namun keberkesanannya bergantung kepada kesedaran dan penglibatan aktif komuniti.

(c) **Gotong-Royong dan Bantuan MBPP**

- (i) MBPP menyokong program gotong-royong membersihkan kawasan awam termasuk sungai dan pantai.
- (ii) Bantuan dari segi **pinjaman peralatan** disalurkan melalui Jabatan Perkhidmatan Perbandaran.
- (iii) Terdapat peningkatan program gotong royong dari 2022 ke 2023, namun sedikit penurunan pada 2024. Ini mungkin menunjukkan keperluan untuk meningkatkan semula penyertaan komuniti atau memperkenalkan pendekatan baharu yang lebih menarik.
- (iv) **Statistik aktiviti bantuan logistik mengikut tahun** adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Aktiviti
2022	200
2023	217
2024	213

(d) **Fokus Kebersihan Awam**

- (i) MBPP memberi perhatian kepada kebersihan jalan raya, kawasan komersial, sungai dan perairan pantai sebagai sebahagian daripada usaha mencapai Tema A2.

LAMPIRAN A**SENARAI PROJEK RUMAH MAMPU MILIK (RMM) A, B & C PULAU PINANG****b. Senarai Projek RMM A, B dan C Sedang Dibina**

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
Daerah Timur Laut				
1	2017	Sandiland Foreshore	B	321
2	2017	Sandiland Foreshore	C	482
3	2017	Jelutong (Grace Harmonl)	B	310
4	2017	Jelutong (Grace Harmonl)	C	444
5	2018	Cecil Residensi	B	348
6	2018	Lot No. 30 Seksyen 4 Bandar Jelutong Lintang Hajah Rehmah	B	38
7	2018	Pangsapuri Warisan Indah	A	550
8	2019	Granito	B	342
9	2020	Ideal Residensi (2)	C	1,554
10	2021	Pinang Perdana	C	20
11	2021	Lot 809,810 dan Plot A, Lorong Madrasah, seksyen 4 Bandar	C	298
12	2017	336 & 337, Mukim 13 Paya Terubong, Jalan Teochew Satu,	C	646
13	2024	118 Harmony	C	118
14	2024	Ideal Venice Residensi	C	1,632
Jumlah DTL				7,103

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
Daerah Barat Daya				
1	2017	Seri Bayu	A	123
2	2017	Seri Bayu	B	123
3	2018	Quinton	C	379
4	2019	Belum dikemukakan	B	129
5	2019	Di Atas Lot 237,439,440 dan 441, Jalan Pulau Betong, Mukim J,	A	1,224

LAMPIRAN A

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
6	2019	Di Atas Lot 237,439,440 dan 441, Jalan Pulau Betong, Mukim J, Di ^{BD} Atas Lot 237,439,440 dan 441,	B	360
7	2019	Jalan Pulau Betong, Mukim J, DBD	C	320
8	2019	Di Atas Lot 256, Jalan Teluk Kumbar, Mukim 11, Daerah Barat	C	85
9	2021	Lot 451, Mukim 11, Lintang Teluk Kumbar 1, DBD	C	259
10	2022	London Pavillion	C	527
11	2023	Lot 30, Persiaran Relau, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang	C	1,670
12	2024	Maldives Residences	C	1,665
Jumlah DBD				6,864

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
Seberang Perai Utara				
1	2018	Taman Bayu Aman	A	160
2	2018	Mak Mandin	A	187
3	2021	PPA1M Konifer	C	112
4	2018	Belum dikemukakan	A	104
5	2018	Belum dikemukakan	C	312
6	2022	Belum dikemukakan	C	96
7	2024	Scientex Sungai Dua(Fasa 5)	C	364
8	2024	Harbour View	C	373
9	2024	Scientex Sungai Dua(Fasa 4)	C	291
10	2024	Scientex Sungai Dua(Fasa 3)	C	282
11	2024	Scientex Sungai Dua(Fasa 7)	C	204
12	2018	Taman Ara Damai	A	468

LAMPIRAN A

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
			Jumlah DBD	2,953

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
Seberang Perai Tengah				
1	2017	Taman Machang Bubuk Fasa III Blok A	A	79
2	2018	The Loft	C	281
3	2017	Aston Park	A	87
4	2017	Taman Seri Puteri	A	128
5	2017	Seberang Jaya	A	90
6	2021	Di Atas Lot 2163, Mukim 4, Jalan Permatang Pauh, SPT	C	410
7	2018	di atas Lot 2140, Mukim 4	C	112
8	2018	Di Atas Lot 200, 252, dan 3117, Mukim 4, Seberang Perai Tengah	A	150
9	2021	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa	A	193
10	2021	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim	A	30
11	2021	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim	B	118
12	2021	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim	C	98

LAMPIRAN A

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
13	2021	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim	A	29
14	2021	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim	B	90
15	2021	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B)	A	63
16	2021	3586, Plot C & D Serta Plot A & B	B	82
17	2021	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B	A	24
18	2021	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B	B	59
19	2021	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B	C	20
20	2021	Di atas Lot 2140, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Tengah,	C	112
21	2021	Di atas Lot 2140, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Tengah,	B	198
22	2021	Lot 317794 (Lot lama 1370), Jalan Rozhan, Mukim 15, SPT	C	751
23	2021	Pangsapuri Rambai Mewah	C	396

LAMPIRAN A

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
24	2019	Belum dikemukakan	C	160
25	2022	Aston Minca Residence	C	237
Jumlah DBD				3,997

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
Seberang Perai Selatan				
1	2022	Belum dikemukakan	A	272
2	2022	Belum dikemukakan	A	68
3	2020	Belum dikemukakan	C	315
4	2018	Bandar Cassia Fasa 4	B	3,223
5	2018	Bandar Cassia Fasa 4	C	8,000
Jumlah DBD				11,878
Jumlah Keseluruhan				32,795

LAMPIRAN A**SENARAI PROJEK RUMAH MAMPU MILIK (RMM) A, B & C PULAU PINANG**

a. Senarai Projek RMM A, B dan C Siap dan Terima Sijil Layak Menduduki (OC) / Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) Sejak Tahun 2008

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
Daerah Timur Laut				
1	2008	Taman Serina	A	125
2	2008	Taman Serina	B	145
3	2008	Desa Indah	B	972
4	2008	Taman Permai Jaya	B	127
5	2009	Taman Sri Saujana	A	192
6	2009	Nipah Court	A	180
7	2009	Taman Sri Saujana	B	544
8	2009	Palm Court	B	512
9	2009	Taman Sri Aman C1	B	354
10	2009	Bukit BI	B	295
11	2009	Puncak Erskine	B	1,038
12	2009	Pinang Court	B	389
13	2010	Taman Sri Saujana	A	238
14	2010	Taman Seri Tanjong	A	40
15	2010	Taman Sinar Pelangi	B	287
16	2010	Taman Sri Aman C2	B	347
17	2010	Taman Sri Saujana	B	466
18	2012	Halaman Kenanga	A	204
19	2012	Halaman Kenanga	B	510
20	2012	The Pulse	B	249
21	2012	Taman Pelangi Indah	B	354
22	2012	Palm Court	B	486
23	2014	Shineville	B	234
24	2014	Taman Bukit Erskine	B	554
25	2014	Halaman Kristal	B	245
26	2015	Centrio Avenue	B	780
27	2017	Selasih Court	B	644
28	2018	Egarden	B	142
29	2018	Tri Pinnacle	B	458
30	2018	Tri Pinnacle	C	859
31	2018	Taman Gema Intan	B	109
32	2018	Taman Skyridge	B	184
33	2018	Taman Skyridge	C	154
34	2018	Iconic Vue	C	232
35	2020	ISantorini	C	2155
36	2020	SP Chelliah	B	770

LAMPIRAN A

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
37	2019	SP Chelliah	C	1323
38	2017	Artis 3	B	158
39	2021	332, 407 dan 460, Seksyen 1 Batu Feringgi, Batu Feringgi, DTL	B	464
40	2021	The Stone	C	1,000
41	2017	Granito	C	980
42	2018	The Zen	C	1,200
43	2019	The Dew	C	281
44	2020	Ideal Residensi (1)	C	1,312
Jumlah DTL				22,292

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
Daerah Barat Daya				
1	2008	Saujana Permai	A	156
2	2010	Pangsapuri Bayan Indah	A	94
3	2011	Taman Freesia	A	78
4	2011	Desa Nipah (Lembaman)	A	80
5	2012	Idaman Melur	A	280
6	2012	Setia Vista	A	165
7	2013	Kuala Sg Pinang	A	216
8	2013	Taman I Park	A	642
9	2014	Setia Vista	A	165
10	2014	Taman Freesia	A	78
11	2014	Sri Akasia	A	133
12	2015	Idaman Seroja	A	480
13	2015	Taman Seri Anggun	A	160
14	2016	Bayu Nyaman	A	690
15	2016	Prestige 3	A	250
16	2016	Idaman Selasih	A	478
17	2016	Idaman Selasih	B	478
18	2017	Rimbun Pangsapuri	A	459
19	2017	Kejora	A	240
20	2017	Suria Merbah	A	349
21	2018	Taman Ria	A	135
22	2018	Sunway Cassia/Desa Kayu Manis	A	90
23	2018	Taman Ria	B	135
24	2018	Ramah Pavilion	C	759
25	2016	I-Condo @ One Foresta	C	1343
26	2017	Mahsuri Court	A	65

LAMPIRAN A

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
27	2017	Mahsuri Court	B	65
28	2017	Mahsuri Court	C	108
29	2017	Pala Palace	A	100
30	2017	Dua Residensi	B	346
31	2017	Dua Residensi	C	348
32	2021	Mercury / Teluk Kumbar Height	B	240
33	2021	Kuala Sg Pinang	A	52
34	2021	Cassa Ara	A	63
35	2021	Cassa Ara	B	63
36	2021	310, 311, 312 & 10632 (Sbhg Lot 451(Lot Lama), Mukim D Bagan Air Itam, Jalan Prestij 4, Daerah	A	1,175
37	2018	Prestige III	C	203
38	2017	Fairview Residence	B	117
39	2017	Fairview Residence	C	692
40	2018	Tree O	C	1,240
41	2021	Havana Residence	C	1,342
Jumlah DBD				14,352

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
Seberang Perai Utara				
1	2008	Taman Sri Desa (Kg. Besar)	A	429
2	2008	Taman Chempedak (Padang Chempedak)	A	435
3	2008	Taman Sepadu	A	48
4	2009	Taman Merbau Indah	A	197
5	2009	Bertam Perdana 3	A	412
6	2009	Taman Ampang Jajar	A	304
7	2010	Taman Sentral	A	54
8	2010	Taman Merbau Jaya	A	146
9	2010	Taman Sg. Dua Utama	A	266
10	2010	Taman Penaga Permai	A	172
11	2011	Pangsapuri Suria	A	439
12	2011	Taman Sejahtera Indah	A	80
13	2012	Bertam Perdana 3 Fasa 13	A	193
14	2013	Taman Seri Indah	B	34
15	2014	Bertam Perdana Fasa II	A	120

LAMPIRAN A

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
16	2014	Bandar Putra Bertam	A	76
17	2014	Bandar Putra Bertam	B	304
18	2015	Taman Bayu Aman	A	149
19	2016	Desa Ara	A	172
20	2017	Lampam	A	132
21	2018	Patin	A	72
22	2018	Mekarsari	A	141
23	2018	Mekarsari	B	141
24	2018	The Park, Mak Mandin	C	780
25	2018	Bertam Perdana 2 Fasa 1D-1	A	140
26	2021	Taman Desa Ara Permai	A	264
27	2021	Taman Desa Ara Permai	C	503
28	2021	Oren Serdang	A	120
29	2021	Jiran Residensi	B	353
30	2021	Jiran Residensi	C	354
31	2021	Desa Ara	A	172
32	2021	Legasi Bertam	A	80
33	2017	Taman Perda Indah	B	203
34	2017	Taman Perda Indah	C	707
35	2016	Taman Perda Indah	B	200
36	2018	Taman Perda Indah	C	232
37	2020	Belum dikemukakan	A	640
38	2022	Belum dikemukakan	A	2,334
39	2023	Scientex Fasa 1	C	382
40	2020	Scientex (Fasa 2)	C	180
41	2020	Scientex (Fasa 3)	C	282
42	2020	Scientex (Fasa 4)	C	291
43	2020	Scientex (Fasa 5)	C	203
44	2020	Scientex (Fasa 6)	C	197
45	2020	Scientex (Fasa 7)	C	204
46	2019	Senamas	C	338
Jumlah DBD				13,675

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
Seberang Perai Tengah				
1	2009	Taman Nagasari	A	175
2	2009	Taman Sri Delima	A	260
3	2009	Taman Bukit Juru	A	120
4	2009	Taman Pauh Jaya	A	98
5	2009	Taman Pauh Fasa 1A	B	18
6	2010	Desa Titi Panjang	A	60

LAMPIRAN A

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
7	2011	Taman Guar Perahu Indah	A	59
8	2011	Taman Machang Bubuk Fasa III	A	308
9	2011	Taman Machang Bubuk Fasa III	A	312
10	2011	Taman Machang Bubuk Fasa III	A	22
11	2013	Desa Impian	A	69
12	2014	Seri Akasia	A	134
13	2014	Park View Residences	A	174
14	2014	Rumah Pangsa Tropika	A	114
15	2014	Sanctuary Court	A	247
16	2015	Hillpark Residensi	A	96
17	2016	Laguna Indah	B	256
18	2017	Taman Lembah Indah	A	288
19	2017	Taman Desa Prominance	A	124
20	2017	Permatang Tok Suboh	A	231
21	2008	Taman Perwira Indah	A	218
22	2008	Pinggiran Alma	A	131
23	2008	Taman Bukit Juru	A	95
24	2008	Taman Bayu Mutiara	A	77
25	2018	Pangsapuri Harmoni	A	110
26	2017	Permatang Tok Suboh	A	39
27	2021	Taman Machang Bubuk Fasa III Blok C	A	79
28	2021	PR1MA @ Permatang Pauh	C	1017
29	2021	Woodslands	C	186
30	2021	Taman Lembah Permai	A	60
31	2021	Taman Nagasari A	A	160
32	2017	Macang Bubuk, Mukim 15, SPT.	A	110
33	2017	PPA1M Alma, Jalan Seladang, Mukim 15, SPT	C	112
34	2018	Wakaf Seete Aisha Fasa 2, Seberang Jaya, SPT	C	572
35	2018	PPA1M Jalan Lestari, Mukim 6	C	120
36	2021	Di atas Lot 31345, Mukim 14, Seberang Perai Tengah	A	95

LAMPIRAN A

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
37	2017	D'Palma	A	270
38	2021	Jalan Seladang, Mukim 15, SPT	A	560
Jumlah DBD				7,176

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
Seberang Perai Selatan				
1	2008	Taman Merpati Indah	A	58
2	2009	Taman Dato' Kramat	A	63
3	2009	Taman Pancur Mutiara	A	70
4	2010	Taman Jawi Ria	A	36
5	2011	Taman Tekukur Indah	A	78
6	2012	Taman Sri Bistar	A	112
7	2012	Taman Sungai Duri Permai	A	224
8	2012	Halaman Seroja	B	195
9	2012	Taman Sungai Duri Permai	B	114
10	2012	Taman Sungai Duri Permai	B	30
11	2013	Taman Seri Saujana	A	40
12	2014	Taman Seri Putera	A	74
13	2014	Taman Perdana	A	106
14	2015	Taman Sungai Jawi Fasa 1	A	77
15	2016	Taman Pekatra Indah	A	55
16	2016	Seri Saujana Fasa 1K	A	44
17	2018	Taman Halaman Indah	A	211
18	2018	Taman Halaman Indah	B	249
19	2018	Suria	B	149
20	2018	Suria	C	371
21	2017	Taman Sungai Jawi	A	61
22	2017	Taman Sungai Bakap Perdana	A	72
23	2018	Panchor Residence	B	85
24	2021	Kepala Gajah	A	41
25	2017	Bandar Tasik Mutiara	A	279
26	2021	Bandar Tasik Mutiara B	A	391
27	2021	Bandar Tasik Mutiara C	A	391
Jumlah DBD				3,676
Jumlah Keseluruhan				61,171

LAMPIRAN A**SENARAI PROJEK RUMAH MAMPU MILIK (RMM) A, B & C PULAU PINANG****c. Senarai Kebenaran Merancang Projek RMM A B dan C Swasta dan Perancangan Kerajaan Negeri & Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)**

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
Daerah Timur Laut				
1	2018	Belum dikemukakan	C	1,248
2	2017	Belum dikemukakan	B	15
3	2017	Belum dikemukakan	C	182
4	2017	Belum dikemukakan	B	194
5	2017	Belum dikemukakan	A	85
6	2018	Belum dikemukakan	A	650
7	2018	Belum dikemukakan	B	1,248
8	2018	Belum dikemukakan	A	566
9	2018	Kota Giam	A	261
10	2018	Kota Giam	C	1,827
11	2018	Kota Giam	B	922
12	2018	Belum dikemukakan	B	200
13	2018	Belum dikemukakan	C	2,225
14	2020	Belum dikemukakan	B	70
15	2018	Belum dikemukakan	C	205
16	2019	Belum dikemukakan	C	313
17	2019	Belum dikemukakan	B	464
18	2020	Belum dikemukakan	B	27
19	2021	Belum dikemukakan	C	410
20	2021	Belum dikemukakan	C	838
21	2022	Belum dikemukakan	C	527
22	2022	Belum dikemukakan	C	300
23	2022	Belum dikemukakan	C	1,670
24	2022	Belum dikemukakan	B	930
25	2022	Belum dikemukakan	C	500
26	2022	Belum dikemukakan	C	345
27	2023	Areca Residence	C	596
28	2023	Belum dikemukakan	A	66
29	2023	Belum dikemukakan	B	78
30	2023	Belum dikemukakan	C	1,223
31	2023	Belum dikemukakan	B	525
32	2024	Belum dikemukakan	B	342
Jumlah DTL				19,052

LAMPIRAN A

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
Daerah Barat Daya				
1	2016	Belum dikemukakan	A	192
2	2016	Belum dikemukakan	B	192
3	2018	Belum dikemukakan	A	645
4	2017	Belum dikemukakan	A	160
5	2017	Belum dikemukakan	B	288
6	2017	Belum dikemukakan	B	108
7	2017	Belum dikemukakan	C	128
8	2017	Belum dikemukakan	C	559
9	2017	Belum dikemukakan	C	2500
10	2017	Belum dikemukakan	C	4000
11	2018	Belum dikemukakan	A	327
12	2018	Belum dikemukakan	C	168
13	2018	Belum dikemukakan	C	201
14	2018	Belum dikemukakan	C	220
15	2019	Belum dikemukakan	B	357
16	2019	Belum dikemukakan	C	1,188
17	2019	Belum dikemukakan	A	115
18	2019	Belum dikemukakan	B	115
19	2021	Belum dikemukakan	A	192
20	2021	Belum dikemukakan	B	192
21	2021	Bukit Gedong	B	300
22	2021	Bukit Gedong	C	960
23	2021	Belum dikemukakan	C	536
24	2021	Belum dikemukakan	C	1,202
25	2021	Belum dikemukakan	C	849
26	2021	Belum dikemukakan	C	960
27	2022	URC Mahsuri 5 Point Block Fasa 1	B	300
28	2023	URC Mahsuri 5 Point Block Fasa 1	C	770
29	2023	Belum dikemukakan	B	360
30	2023	Belum dikemukakan	C	1,299
		Belum dikemukakan	B	150
31	2023	Belum dikemukakan	C	1,240
32	2023	Belum dikemukakan	B	372
33	2023	Belum dikemukakan	C	1,050
34	2024	Esenview Residence	C	484
35	2024	Belum dikemukakan	B	288
36	2024	Belum dikemukakan	C	958
Jumlah DBD				23,925

LAMPIRAN A

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
Seberang Perai Utara				
1	2018	Belum dikemukakan	A	225
2	2018	Belum dikemukakan	A	119
3	2018	Belum dikemukakan	C	3,549
4	2018	Belum dikemukakan	A	439
5	2018	Belum dikemukakan	C	1,130
6	2018	Belum dikemukakan	A	70
7	2022	Belum dikemukakan	B	720
8	2022	Belum dikemukakan	C	2,080
9	2023	Belum dikemukakan	C	231
Jumlah DBD				8,563

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
Seberang Perai Tengah				
1	2017	Belum dikemukakan	B	1,180
2	2017	Belum dikemukakan	C	1,268
3	2017	Belum dikemukakan	C	704
4	2017	Belum dikemukakan	B	894
5	2017	Belum dikemukakan	C	1,287
6	2017	Belum dikemukakan	A	420
7	2017	Belum dikemukakan	A	230
8	2017	Belum dikemukakan	A	84
9	2021	Belum dikemukakan	A	74
10	2021	Belum dikemukakan	A	182
11	2021	Belum dikemukakan	A	182
12	2021	Belum dikemukakan	A	400
13	2021	Belum dikemukakan	B	694
14	2021	Belum dikemukakan	B	395
15	2021	Belum dikemukakan	C	544
16	2021	Belum dikemukakan	A	350
17	2021	Belum dikemukakan	C	412
18	2021	Belum dikemukakan	C	5,980
19	2021	Belum dikemukakan	A	190
20	2022	Belum dikemukakan	C	550
21	2022	Perai (Kg Main)	C	1,400
22	2022	Perai (Kg Main)	B	960
23	2022	Belum dikemukakan	B	150
24	2023	Pangsapuri Sejahtera	C	113
25	2023	Juruhills	C	1,236
26	2024	Residensi Harmoni Indah	C	204
Jumlah DBD				20,083

LAMPIRAN A

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
Seberang Perai Selatan				
1	2018	Taman Ilmu Fasa 8(1), Taman Ilmu Fasa 8 (5), Taman Ilmu Fasa 8(8)	A	360
2	2022	Belum dikemukakan	A	152
3	2023	Belum dikemukakan	A	208
4	2024	IPIL Residence	C	298
Jumlah DBD				1,018
Jumlah Keseluruhan				72,641

SENARAI PROJEK SEWA BELI (RTO)

BIL.	SKIM PERUMAHAN	JENIS RMKu	JENIS KEDIAMAN	STATUS	JUMLAH UNIT
1	Taman Prestij Idaman, Barat Daya	A	Strata	Siap	612
2	B Park, Barat Daya	A	Strata	Perancangan	500
		B			
3	PPR Tok Suboh, Seberang Perai Tengah	B	Teres	Siap	231
4	PPR Mak Mandin, Seberang Perai Utara	B	Strata	Siap	70
5	Taman Seri Desa, Seberang Perai Utara	A	Teres	Siap	64
6	Taman Seruling Emas, Seberang Perai Selatan	A	Strata	Siap	51
7	Taman Sungai Duri Emas, Seberang Perai Selatan	A	Townhouse	Siap	104
8	Rumah Pangsa Desa Wawasan, Seberang Perai Tengah	A	Strata	Siap	456
9	Byram, Daerah Seberang Perai Selatan	A	Teres	Pembinaan	68
10	Taman Sejahtera Rakyat, Seberang Perai Selatan	B	Teres	Siap	41
11	Taman Desa Tok Suboh, Seberang Perai Tengah	B	Teres	Siap	39
12	Taman Desa Ara Permai, Seberang Perai Utara	A	Teres	Siap	100
		B			
13	Taman Murai Jaya, Seberang Perai Selatan	A	Pangsa	Pembinaan	36
14	Ladang Kaledonia	A	Teres	Pembinaan	272
15	Mak Mandin Residensi	A	Pangsa	Pembinaan	187
16	Ampang Jajar	B	Pangsa	Perancangan	360
17	PPR Taman Bagan Jaya	A	Pangsa	Siap	382
18	Ramah Pavilion (M Summit)	C	Pangsa	Siap	30
19	Quinton (Prisma Bumi Raya)	C	Pangsa	Pembinaan	23
20	Pangsapuri Mekarsari	A	Pangsa	Siap	21
		B	Pangsa	Siap	23
21	Pangsapuri Bandar Putra Bertam	A	Pangsa	Siap	1
22	The Dew	C	Pangsa	Pembinaan	5
23	iSantorini	C	Pangsa	Siap	41
24	Havana	C	Pangsa	Pembinaan	36
25	Ideal Residensi	C	Pangsa	Pembinaan	33
26	Bukit Gedong	B	Pangsa	Perancangan	300
27	Ara Suria	A	Pangsa	Pembinaan	105

LAMPIRAN A

BIL.	SKIM PERUMAHAN	JENIS RMKu	JENIS KEDIAMAN	STATUS	JUMLAH UNIT
28	Pangsapuri Suria	A	Pangsa	Pembinaan	353
JUMLAH KESELURUHAN					4,544

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VII)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

2. Nyatakan kos nilai (RM) projek *Chatbox* MBPP.
 - (a) Jelaskan kelewatan dalam memberi perkhidmatan *Chatbox* kepada orang awam.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Kos nilai projek *Chatbox* Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah sebanyak RM500,000.00
 - (a) Kelewatan pelaksanaan projek '*Chatbox* MBPP' adalah disebabkan oleh Pelawaan Untuk Cadangan (RFP) *Chatbox* MBPP telah digantikan dengan proses tender. Pengiklanan tender projek '*Chatbox* MBPP' telah dibuka pada 10 Mac 2025 dan tarikh tutup iklan pada 28 April 2025. Selain itu terdapat juga penambahbaikan spesifikasi projek *chatbox* yang telah memasukkan elemen-elemen sistem tambahan *Generative AI* (Gen AI) analitik-sentimen serta pengesanan pembinaan struktur berasaskan satelit dan Gen AI.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A(VII)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

3. Nyatakan tempoh pelaksanaan *Penang Smart Parking*.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri akan menukarkan sistem tersebut pada masa akan datang?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Sistem *Penang Smart Parking* (PSP) mula diperkenalkan secara rasmi oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada bulan Ogos 2019. Pelaksanaannya dibahagikan kepada beberapa fasa dengan skop utama melibatkan pemasangan sensor pintar di petak parkir awam milik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta pengenalan aplikasi mudah alih untuk pembayaran tanpa tunai. Kontrak *Penang Smart Parking* (PSP) dengan syarikat pengendali semasa akan tamat pada tahun 2026.
- (a) Kerajaan Negeri tidak menolak kemungkinan untuk menukarkan atau menambah baik sistem *Penang Smart Parking* (PSP) pada masa akan datang bergantung kepada penilaian prestasi semasa, maklum balas pengguna dan kemajuan teknologi. Sebarang perubahan sistem akan mengambil kira faktor seperti berikut:
- (i) Kecekapan operasi dan penyelenggaraan oleh pengendali semasa;
- (ii) Kepuasan pengguna dan kadar penggunaan aplikasi;

- (iii) Kemajuan teknologi baharu seperti kecerdasan buatan (AI), integrasi data raya (*big data*) dan automasi yang lebih canggih; dan
- (iv) Kesesuaian dengan hala tuju *Smart City* Pulau Pinang dan keperluan penyelarasan dengan sistem bandar pintar lain seperti sistem trafik, keselamatan dan pengangkutan awam.

Jika terbukti ada sistem yang lebih berkesan atau mesra pengguna, Kerajaan Negeri terbuka untuk mempertimbangkan penambahbaikan atau peralihan kepada sistem baharu demi meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VII)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

4. Nyatakan jumlah kenderaan yang telah direkodkan masuk mengikut jenis kenderaan dari tarikh pemasangan hingga kini oleh alat pengiraan kenderaan CCTV MBPP yang telah dipasang.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Terdapat 32 unit Kamera Litar Tertutup (CCTV) telah dipasang di sempadan Bandaraya George Town pada bulan April 2025 bagi mengesan nombor pendaftaran kenderaan dan pengiraan bilangan kenderaan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Walau bagaimanapun, sistem analitik video tersebut masih dalam proses diuji dan ditauliah oleh pihak kontraktor. Sistem tersebut dijangka akan berfungsi dengan sepenuhnya pada bulan Jun 2025.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VII)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

5. Adakah pengiraan kenderaan keluar masuk ke Pulau Pinang yang menggunakan teknologi AI oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mampu mengurangkan kesesakan lalu lintas? Nyatakan keberkesanan sistem berkenaan.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Terdapat 32 unit kamera CCTV telah dipasang di sempadan Bandaraya George Town pada bulan April 2025 untuk mengesan nombor pendaftaran kenderaan dan pengiraan bilangan kenderaan. Walau bagaimanapun, sistem analitik video tersebut masih diuji dan dipantau oleh pihak kontraktor. Sistem tersebut dijangka akan berfungsi dengan sepenuhnya pada bulan Jun 2025 di mana data-data yang dikumpul akan digunakan dalam kajian trafik di kawasan George Town bagi melancarkan aliran lalu lintas terutamanya pada waktu puncak.

Untuk makluman, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tidak memasang kamera CCTV di kedua-dua jambatan untuk pengiraan kenderaan keluar masuk ke bahagian pulau, Pulau Pinang kerana kawasan tersebut adalah di bawah seliaan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). MBPP akan mengadakan mesyuarat dengan pihak LLM pada bulan Mei 2025 untuk membincangkan perkongsian data trafik di kedua-dua jambatan bagi tujuan kajian lalu lintas di bahagian pulau.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VII)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

6. Nyatakan pencapaian Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam pelaksanaan Karbon Sifar.
 - (a) Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mengeluarkan Laporan Bandar Rendah Karbon. Bagaimanakah dengan laporan dari Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)?
 - (b) Jelaskan semua Pelan Tindakan Bandar Rendah Karbon MBPP.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Pulau Pinang iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) giat melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menyokong matlamat menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri Karbon Sifar.

Status terkini pelaksanaan inisiatif Bandar Rendah Karbon di seluruh negeri terus menunjukkan perkembangan positif selari dengan usaha global dan nasional untuk menangani perubahan iklim serta mempromosikan kelestarian alam sekitar.

Antara projek dan inisiatif utama yang sedang dijalankan adalah seperti berikut:

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)	Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)
Penggunaan kenderaan elektrik (EV) dan menyediakan petak pengecasan kenderaan elektrik (EVCB).	
Pembangunan infrastruktur yang lebih mesra alam, termasuk penggunaan tenaga boleh diperbaharui seperti pemasangan panel solar pada bangunan kerajaan dan bangunan awam.	Mengintegrasikan kesan fenomena perubahan iklim dalam membentuk Rancangan Tempatan Seberang Perai.
Menggalakkan penanaman pokok di kawasan bandar bagi meningkatkan kualiti udara dan menyediakan ruang hijau untuk masyarakat.	Penanaman pokok baharu dengan melaksanakan program penanaman pokok <i>24 Hours Planting Challenge</i> MBSP.
Memperkenalkan program <i>Net Zero Waste</i> untuk penggunaan semula, dan kitar semula bagi mengurangkan pengeluaran sisa pepejal di bandar raya.	Menyediakan Pelan Tindakan <i>Circular Economy</i> bagi memacu sektor pengurusan sisa pepejal di Seberang Perai.
Menyediakan laporan <i>Penang Climate Action Plan 2030</i> sebagai dokumen strategik yang merangkumi hala tuju, sasaran dan pelan tindakan ke arah pengurangan pelepasan karbon serta peningkatan daya tahan bandar terhadap perubahan iklim.	Melaksanakan <i>Seberang Perai Climate Action Strategy</i> yang menggariskan risiko perubahan iklim dan cadangan adaptasi dan mitigasi yang diperlukan.

- (a) Pihak MBPP sedang dalam proses penyediaan Kajian Pelan Tindakan Bandar Rendah Karbon MBPP 2035 bertujuan untuk membantu bandar-bandar mengurangkan pelepasan gas rumah kaca (GHG) serta meningkatkan kualiti hidup penduduk dengan langkah-langkah yang lestari.

Pelan ini memberi tumpuan kepada pembangunan bandar yang mesra alam, menggunakan sumber secara efisien serta menggalakkan penggunaan tenaga yang rendah karbon. Kajian ini disertai dengan pelan tindakan yang menyeluruh untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan dalam jangka masa panjang. Dengan pelaksanaan yang berjaya, bandar dapat menjadi lebih lestari dengan persekitaran yang lebih bersih dan masyarakat yang lebih berdaya tahan terhadap perubahan iklim dan pelepasan karbon.

- (b) Pihak MBPP telah menerima pengiktirafan sebagai Bandar Rendah Karbon dalam pelbagai kategori yang dikendalikan oleh agensi-agensi kerajaan dan badan antarabangsa dan MBPP juga telah menerima Pengiktirafan *5-Diamond* untuk Bangunan Penguatkuasaan kategori rakan kongsi anjuran *Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation* (MGTC) untuk Anugerah Bandar Rendah Karbon 2024 yang telah berlangsung baru-baru ini. Ini termasuk diiktiraf sebagai bandar yang menunjukkan komitmen yang kuat dalam mencapai matlamat pengurangan emisi karbon di Malaysia.

Antara strategi yang dilaksanakan oleh MBPP bagi Pelan Tindakan Bandar Rendah Karbon adalah dengan menggariskan beberapa polisi dan syarat-syarat pembangunan mampan dalam permohonan projek pembangunan di samping turut memberi perhatian kepada inisiatif hijau seperti berikut:

- (i) Penyediaan petak mengecas kenderaan hendaklah mematuhi Garis Panduan Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik (EVCB) yang disediakan oleh PLANMalaysia - Edisi September 2023 dan petak-petak pengecasan hendaklah dijadikan sebagai petak hak milik bersama untuk diuruskan oleh Badan Pengurusan / Perbadanan Pengurusan di masa hadapan bagi setiap pemajuan. Penyediaan minimum 2% EVCB dari jumlah keseluruhan petak tempat letak kenderaan hendaklah disediakan untuk setiap cadangan pemajuan dan bilangan 2% petak EVCB tersebut boleh diambil kira sebagai sebahagian daripada bilangan petak tempat letak kenderaan yang perlu disediakan;

- (ii) Menyediakan perkhidmatan Bas *Shuttle* Percuma dalam pusat bandar George Town bermula tahun 2009 sehingga kini. Perkhidmatan Bas *Shuttle* Percuma ini atau lebih dikenali sebagai Bas *Central Area Transit* (CAT) adalah langkah awal dan menggalakkan penggunaan pengangkutan awam di pulau, Pulau Pinang. Secara tidak langsung perkhidmatan ini dapat mengimbangi pemanasan global selaras dengan inisiatif Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah bandaraya *low carbon*. MBPP telah menambah bilangan bas perkhidmatan Bas *Shuttle* Percuma daripada 3 buah bas kepada 5 buah bas bermula November 2014 memandangkan permintaan pengguna Bas CAT telah meningkat. Pada masa sekarang, lebih kurang 4,700 orang awam menggunakan perkhidmatan Bas CAT setiap hari di mana bancian MBPP menunjukkan bahawa 40% daripada pengguna perkhidmatan Bas *Shuttle* Percuma ini mempunyai kenderaan persendirian;
- (iii) MBPP juga telah menyambut usaha Kerajaan Negeri untuk menggunakan teknologi hijau sebagai salah satu usaha ke arah Negeri Hijau. Di bawah komponen tenaga, penggunaan teknologi hijau ini telah mengurangkan bil elektrik di samping menyumbang ke arah pengurangan karbon dalam menghasilkan tenaga elektrik. Melalui program-program ini, penjimatan tenaga elektrik yang diperolehi adalah lebih kurang 55% dan pengurangan karbon sebanyak 108 juta kg setahun sekaligus mengimbangi pemanasan global;
- (iv) Menyediakan laluan pejalan kaki dan laluan basikal sebagai alternatif kepada kenderaan bermotor yang mana langkah ini dapat mengurangkan pelepasan karbon ke atmosfera. Laluan pejalan kaki yang telah dibina di sekitar Bandaraya George Town dari tahun 2012 hingga sekarang dan juga pembinaan laluan basikal di kawasan pulau, Pulau Pinang dari tahun 2014 hingga sekarang;
- (v) Menjalankan beberapa program untuk menjimatkan tenaga elektrik dan penggunaan tenaga diperbaharui untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah Negeri Hijau seperti di **LAMPIRAN A**;

- (vi) Melaksanakan program penanaman pokok. Sebagai makluman, MBPP telah menanam sebanyak 342,183 pokok sejak tahun 2008 hingga April 2025. Dianggarkan purata anggaran serapan karbon (Co2) adalah sebanyak 34.2 tan setahun;
- (vii) Mewujudkan lebih banyak kawasan lapang sebagai kawasan rekreasi, riadah dan menggalakkan interaksi sosial antara penduduk;
- (viii) Membangunkan kebun komuniti bandar bagi menghidu dan mengindahkan kawasan persekitaran dan juga bagi menggalakkan aktiviti pertanian di kalangan penduduk bandar;
- (ix) Memastikan keperluan keluasan minimum 10% kawasan lapang disediakan secara efektif bagi sesuatu pemajuan baru; dan
- (x) Di samping itu, tandas awam yang dilengkapi dengan sistem solar, sistem pengumpulan air hujan (SPAH) dan penjimatan air serta elektrik turut merupakan antara inisiatif / kaedah bagi mengurangkan impak kepada alam sekitar. Impak yang dapat dilihat hasil daripada pelaksanaan ini adalah seperti berikut:
 - 1) Penggunaan tenaga solar untuk membekalkan tenaga elektrik bagi pencahayaan dan pengudaraan, sekaligus mengurangkan penggunaan tenaga dari sumber bukan boleh diperbaharui; dan
 - 2) SPAH pula membolehkan air hujan disalurkan ke dalam tangki yang berasingan dan digunakan semula untuk kegunaan tandas, seperti untuk *flushing*, sekaligus mengurangkan penggunaan air bersih dari sumber utama. Teknologi penjimatan air seperti kepala pancuran air bertekanan rendah dan sistem pemantauan automatik membantu memastikan penggunaan air yang lebih efisien, mengurangkan pembaziran dan mengurangkan kos operasi.

LAMPIRAN A

PROGRAM PENJIMATAN TENAGA ELEKTRIK & TENAGA DIPERBAHARUI MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP)

BIL.	BUTIR-BUTIR PELAKSANAAN PROGRAM HIJAU	STATUS	ULASAN
1.	Penggantian Lampu Jalan <i>High Pressure Sodium Vapour</i> (HPSV) Kepada Jenis <i>Light Emitting Diode</i> (LED) di Kawasan Penyelenggaraan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).	Telah siap sepenuhnya.	Keseluruhan 17,542 unit lampu jalan MBPP jenis HPSV telah siap ditukar ke jenis LED.
2.	Penggantian Lampu Jalan <i>High Pressure Sodium Vapour</i> (HPSV) Kepada Jenis <i>Light Emitting Diode</i> (LED) bagi Lampu Jalan yang Diselenggara oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB).	Telah siap sepenuhnya.	Keseluruhan 15,559 unit lampu jalan TNB jenis HPSV telah siap ditukar ke jenis LED.
3.	Penukaran Lampu-Lampu Jenis Konvensional Sedia Ada Kepada Lampu Jenis Cepak Tenaga di Premis-Premis MBPP (Fasa 1).	Telah siap sepenuhnya tahun 2021.	Sebanyak 9,419 unit lampu jenis konvensional di premis-premis MBPP telah siap ditukar ke jenis cekap tenaga. Anggaran pengurangan karbon adalah sebanyak 695 ton CO ₂ setahun.
4.	Penukaran Lampu-Lampu Jenis Konvensional Sedia Ada Kepada Lampu Jenis Cepak Tenaga di Harta & Bangunan MBPP (Fasa 2).	Telah siap sepenuhnya tahun 2023.	Sebanyak 6,129 unit lampu di harta & bangunan MBPP jenis konvensional telah siap ditukar ke jenis cekap tenaga. Anggaran pengurangan karbon adalah sebanyak 698 ton CO ₂ setahun

BIL.	BUTIR-BUTIR PELAKSANAAN PROGRAM HIJAU	STATUS	ULASAN
5.	Pemasangan Lampu Solar di Laluan-Laluan Basikal di Kawasan Pulau, Pulau Pinang.	Program pemasangan ini berterusan mengikut keperluan tapak.	Sebanyak 103 unit lampu solar telah dipasang di laluan basikal MBPP dan akan diteruskan mengikut keperluan.
6.	Pemasangan sistem solar Fasa 1 di sepuluh (10) premis MBPP.	Telah siap sepenuhnya pada tahun 2024.	MBPP akan meneruskan inisiatif ini pada lain-lain bangunan MBPP.
7.	Pemasangan sistem solar Fasa 2 di enam (6) premis MBPP.	Dijangka siap pada tahun 2025.	Kerja-kerja pemasangan panel solar telah dimulakan.
8.	Pemasangan <i>Electric Vehicle Charging Bay</i> (EVCB) Fasa 1 di kawasan pentadbiran MBPP di 26 lokasi.	Dijangka siap sepenuhnya pada petengahan 2025.	Sebanyak 23 lokasi telah berfungsi sepenuhnya dan digunakan.
9.	Pemasangan <i>Electric Vehicle Charging Bay</i> (EVCB) Fasa 2 di kawasan pentadbiran MBPP di 27 lokasi.	Dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun 2025.	Proses verifikasi tapak sedang dijalankan.
10.	Pemasangan Lampu Solar Pada Pondok Perhentian Bas Majlis Bandaraya Pulau Pinang di Kawasan Pulau, Pulau Pinang.	Telah siap sepenuhnya.	Sebanyak 30 unit lampu akan dipasang pada tahun 2024
11.	Perkhidmatan Menyewa Skuter Elektrik untuk Jabatan Penguatkuasaan, MBPP.	Telah digunakan	Sebanyak 15 unit skuter elektrik telah disewa mulai 01 November 2022 sehingga 01 November 2024.

BIL.	BUTIR-BUTIR PELAKSANAAN PROGRAM HIJAU	STATUS	ULASAN
12.	Perkhidmatan Menyewa Skuter Elektrik untuk Jabatan Penguatkuasaan, MBPP.	Dalam proses sebut harga	Dalam perancangan sebanyak 30 unit skuter elektrik disewa mulai Januari 2025.
13.	Perkhidmatan Menyewa Skuter Elektrik C/W Side Car Untuk Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, MBPP.	Sedang digunakan	Sebanyak sepuluh (10) unit skuter elektrik telah disewa mulai 01 Januari 2024
14.	Membekal, Menghantar, Menguji, Mendaftar dan Mentauliahkan Satu (1) Unit <i>Sport Utility Vehicle</i> Elektrik Untuk MBPP (Jabatan Pelesenan)	Sedang digunakan	Pembelian satu (1) buah kereta (SUV) elektrik telah dibuat pada tahun 2024.
15.	Membekal, Menghantar, Menguji, Mendaftar dan Mentauliahkan Satu (1) Unit <i>Sport Utility Vehicle</i> Elektrik untuk MBPP (Unit Pusat Setempat)	Sedang digunakan	Pembelian satu (1) buah kereta (SUV) elektrik telah dibuat pada tahun 2024.
16.	Membekal, Menghantar, Menguji, Mendaftar dan Mentauliahkan Satu (1) Unit Kereta Elektrik Rasmi Setiausaha Bandaraya untuk MBPP (Jabatan Khidmat Pengurusan)	Sedang digunakan	Pembelian satu (1) buah kereta elektrik telah dibuat pada tahun 2024

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VII)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

7. Nyatakan jumlah aduan berkaitan kereta buruk dan berapakah jumlah aduan yang berjaya diselesaikan sejak tahun 2024 hingga bulan April 2025.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Isu kereta buruk tersadai khususnya di tepi jalan dan di taman-taman perumahan ini semakin meningkat saban hari. Pihak Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memandang serius aduan-aduan berkaitan kereta buruk yang diterima. Berikut adalah perincian maklumat berkaitan jumlah aduan yang diterima dan juga jumlah aduan yang berjaya diselesaikan mengikut kawasan pentadbiran PBT masing-masing bagi tempoh 1 Januari 2024 sehingga April 2025:

PBT	ADUAN KERETA BURUK	
	DITERIMA	SELESAI
MBPP	1246	331
MBSP	1148	660

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VII)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

8. Nyatakan asas pertimbangan jurutera lalu lintas mengenai pelaksanaan lorong bas di kawasan MBPP.
- (a) Adakah pelaksanaan ini telah berjaya mengatasi masalah kesesakan lalu lintas?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Pertumbuhan kenderaan yang tinggi dan kesesakan lalu lintas yang serius di Pulau Pinang memerlukan tindakan-tindakan penambahbaikan pengangkutan awam memandangkan jalan-jalan tidak dapat dilebarkan lagi dan kebanyakan jalan di Pusat Bandar telah dijadikan jalan sehalu. Tujuan pelaksanaan lorong bas ini adalah untuk membantu mengurangkan masa perjalanan bas terutama pada waktu-waktu kemuncak. Kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang telah memberi kesan yang sangat besar kepada perkhidmatan bas *Rapid Penang* di mana bas mengalami kelewatan untuk sampai ke setiap perhentian bas atau terminal bas.
- (a) Pelaksanaan lorong bas sepanjang 500m yang telah bermula pada 19 November 2024 menunjukkan kesan yang positif iaitu pengurangan masa perjalanan bas daripada 10 minit kepada 6 minit (pengurangan sebanyak 4 minit atau 33%). Seterusnya, terdapat peningkatan kepada pengguna bas *Rapid Penang* di mana purata penumpang harian sebelum pelaksanaan lorong bas adalah 34,289 orang manakala purata penumpang harian selepas pelaksanaan lorong bas adalah 37,403 orang. Pelaksanaan lorong bas ini telah meningkatkan purata penumpang harian sebanyak 3,114 orang pengguna bas iaitu

peningkatan sebanyak 9%.

- (b) Di samping itu, Rapid Penang juga telah menjalankan kaji selidik kepada 162 orang awam bagi mendapatkan maklum balas mengenai projek rintis lorong bas di mana hasil kajian menunjukkan maklum balas yang positif daripada orang awam. Pelaksanaan lorong bas secara percubaan ini telah terbukti berkesan di mana sebanyak 91% responden bersetuju keperluan untuk mengekalkan lorong bas dan 81% responden bersetuju untuk memperluaskan liputan lorong bas ke kawasan-kawasan lain.
- (c) Di samping itu, pelaksanaan lorong bas terbukti berkesan walaupun pendek dan dijangkakan masa perjalanan bas akan dapat dikurangkan dengan memperluaskan lagi lorong bas ke kawasan-kawasan lain bagi meningkatkan keberkesanan perkhidmatan bas.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VII)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

9. Nyatakan perkembangan terkini pelaksanaan sisa di punca di Pulau Pinang.
- (a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kadar kebolehlaksanaan tersebut?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengumumkan pelaksanaan semula Dasar Pengasingan Sisa di Punca mulai 1 Julai 2024. Dasar ini bertujuan untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar, menjaga keseimbangan ekosistem dan mengurangkan sisa yang dilupuskan di tapak pelupusan sampah. Dasar ini pernah dikuatkuasakan selama tiga tahun bermula 2017, namun terhenti pada 2020 berikutan pandemik COVID-19. Bagi memperkukuh pelaksanaan dasar ini, pelbagai inisiatif telah dan akan dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Antara perancangan utama Kerajaan Negeri bagi meningkatkan keberkesanan pengasingan sisa di punca adalah seperti berikut:
- (i) Program Pendidikan dan Kesedaran melalui taklimat dan ceramah penerangan kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Kawasan Rukun Tetangga, Badan Pengurusan Bersama (JMB/MC) dan sekolah. Selain itu, pengedaran risalah pengasingan sisa di punca dan pemasangan banner dan papan tanda (termasuk papan tanda elektronik) bagi Dasar Pengasingan Sisa Di Punca juga dilaksanakan di seluruh Negeri Pulau Pinang pada tahun 2025;

- (ii) Penguatkuasaan Pengasingan Sisa Di Punca di kawasan kediaman dan komersial untuk memastikan pematuhan terhadap dasar ini;
- (iii) Penambahan dan pemerksaan Pusat Kitar Semula di seluruh Negeri Pulau Pinang seperti Program Seorang Ahli Majlis Satu Pusat Kitar Semula di seluruh negeri; dan
- (iv) Pemantapan kutipan sisa kitar semula dengan membuat pelantikan kontraktor bagi menguruskan Perkhidmatan Pengurusan Sisa Yang Boleh Dikitar Semula di Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VII)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

10. Kerajaan Negeri telah menghantar pegawai untuk mempelajari pelaksanaan Waste to Energy (WTE) di China pada tahun 2023, 2024 dan 2025. Nyatakan perancangan negeri untuk memastikan pelaksanaan WTE di Pulau Pinang.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah memulakan satu projek *Waste to Energy* (WtE) di Stesen Pemindahan Ampang Jajar. Projek ini dikenali sebagai *Integrated Solid Waste Management Centre* (ISWMC).

ISWMC menggunakan teknologi *Non-Thermal Waste to Energy* bagi memproses sisa pepejal domestik. Sisa yang diterima akan melalui proses penyaringan untuk mengasingkan:

1. Sisa organik, dan
2. Sisa yang boleh dikitar semula.

Sisa organik yang diasingkan seterusnya akan diproses melalui kaedah *Anaerobic Digestion* bagi menghasilkan gas metana sebagai produk akhir. Gas metana ini akan disalurkan untuk kegunaan industri berdekatan.

Projek ini dijangka mula beroperasi sepenuhnya pada Jun 2025, dan merupakan salah satu inisiatif penting untuk mengurangkan kebergantungan kepada Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung (TPSPB) serta menyokong amalan pengurusan sisa pepejal yang lebih mampan.

Walau bagaimanapun, sekiranya pengurusan sisa pepejal diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan melalui pelaksanaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672), maka segala perancangan dan pengurusan fasiliti sisa pepejal, termasuk projek ISWMC, akan diserahkan kepada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN).

Di bawah pelaksanaan Akta ini, Kerajaan Persekutuan akan bertanggungjawab menanggung peningkatan kos pengurusan sisa pepejal, termasuk pembangunan infrastruktur, operasi dan penyelenggaraan fasiliti yang berkaitan. Ini termasuk pelaksanaan teknologi baharu serta pelupusan sisa mengikut piawaian sanitari dan mesra alam.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VII)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

11. Senaraikan strategi Kerajaan Negeri bagi meningkatkan kemasukan pelancong ke Pulau Pinang.
- (a) Nyatakan strategi yang telah dibuat bagi mencapai *Penang Tourism Master Plan 2021-2030*.

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Strategi Kerajaan Negeri untuk menarik pelancong luar negara ke Pulau Pinang adalah melalui:
- (i) Mengadakan promosi antarabangsa secara agresif melalui agensi-agensinya dengan menyertai pameran dan ekspo antarabangsa serta menganjurkan jelajah promosi bersama sektor swasta ke negara sasaran seperti China, India dan Asia Tenggara. Kerajaan Negeri turut terlibat dalam misi promosi luar negara bersama *Tourism Malaysia*;
 - (ii) Bekerjasama dengan Syarikat Penerbangan & *Online Travel Agency* (OTA) untuk promosi pakej pelancongan dan laluan terus ke Pulau Pinang;
 - (iii) Projek Naik Taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) yang akan menambah kapasiti penumpang daripada 6.5 juta kepada 12.0 juta menjelang tahun 2028 dan mendorong pembukaan laluan terus dari destinasi baharu;

- (iv) Pengagihan pelancongan ke kawasan luar bandar dengan mempelbagaikan tarikan pelancongan agro, eko dan warisan budaya. Antara kempen yang dijalankan adalah seperti promosi Seberang Perai dan Balik Pulau melalui kempen seperti "*Opposite Side of the Island*" dan "*The Other Side of the Island*";
 - (v) Sokongan kepada ekopelancongan dan inap desa dengan mempromosi lokasi seperti Kampung Agong, Penaga dan Taman Rimba, Teluk Bahang;
 - (vi) Mempromosi Pulau Pinang sebagai pusat pelancongan perubatan terkemuka di rantau ini serta kempen digital dan pengengaruh. Kolaborasi dengan pengengaruh antarabangsa dan penerbitan digital untuk promosi visual yang lebih menarik; dan
 - (vii) *Familiarisation Trips* (FAM Trips) untuk agensi pelancongan, media dan *influencer* dari luar negara dan promosi Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan kesihatan bertaraf dunia dengan hospital swasta terkemuka.
- (a) Antara strategi utama yang dilaksanakan adalah dengan mempelbagaikan produk pelancongan negeri. Tumpuan diberikan kepada mengembangkan pelbagai produk pelancongan berkualiti tinggi di Pulau Pinang, melangkaui tarikan pelancong sedia ada. Tujuannya adalah untuk menarik pelbagai jenis pelancong dengan minat yang berbeza dan untuk meningkatkan pengalaman pelancongan secara keseluruhan. Antara produk baharu yang telah berjaya ditonjolkan adalah seperti kawasan *Penang Hill Biosphere Reserve* yang diiktiraf UNESCO, kawasan ekopelancongan di Sungai Dua, acara kesenian antarabangsa seperti *George Town Festival*, acara *sports tourism* seperti *Penang Bridge International Marathon* dan *Penang International Dragon Boat Regatta* yang dipindah ke lokasi baru serta diberi nafas serta tenaga baru, pengiktirafan *Michelin Guide* dalam pelancongan gastronomi, tempat tarikan baru tepi pantai seperti Ferringhi Bay dan Gurney Bay, penambahan hospital swasta dalam pelancongan perubatan dan tempat acara baharu dalam sektor *Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions* (MICE).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VII)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

12. Selaras dengan Penang Tourism Master Plan 2021-2030, adakah Kerajaan Negeri akan menjadikan Penang Port sebagai Home Port bagi kapal-kapal persiaran seperti mana dilaksanakan oleh Singapura?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Pelabuhan *Swettenham Pier Cruise Terminal* perlu dinaik taraf jika pelabuhan tersebut ingin dijadikan sebagai *home port* kepada aktiviti kapal persiaran mewah. Ia perlu perancangan, penglibatan serta dana dari agensi-agensi Kerajaan Persekutuan. Selain itu, ia juga perlu ada sokongan jalinan penerbangan antarabangsa yang komprehensif supaya para pelancong boleh menaiki penerbangan terus ke Pulau Pinang untuk menaiki kapal persiaran mewah.

Buat masa ini, Kerajaan Negeri melalui *Penang Global Tourism* (PGT) telah mengambil langkah yang lebih pragmatik dan realistik secara konsisten mempromosikan pelancongan pelayaran dengan mewujudkan perkongsian strategik melalui laluan pelayaran antarabangsa. PGT juga telah mengambil bahagian dalam acara industri berkaitan pelayaran seperti CruiseWorld Asia di Singapura untuk mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi pelayaran terkemuka. PGT selaku agensi Kerajaan Negeri telah berhubung dengan pihak berkepentingan pelancongan global bagi mempromosikan lokasi strategik dan tarikan kebudayaan di Pulau Pinang. Kerjasama ini digabungkan dengan usaha pemasaran digital yang menyasarkan pelancong dari Singapura, Indonesia dan Eropah bagi memastikan aliran pelancong pelayaran yang konsisten

ke negeri ini. Promosi aktif di platform antarabangsa ini sejajar dengan komitmen Pulau Pinang untuk bekerjasama dengan rakan industri dan menyesuaikan diri dengan permintaan pelancongan pelayaran yang sedang berkembang, membantu meletakkan Pulau Pinang sebagai persinggahan tumpuan dalam jadual perjalanan pelayaran Asia Tenggara.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VII)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

13. Nyatakan dasar pembangunan Rumah Mampu Milik.
- (a) Berapakah peratusan projek berkenaan telah berjaya dilaksanakan dalam kawasan Pulau?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat dan peka terhadap keperluan rakyat Pulau Pinang khususnya untuk memiliki sebuah rumah kediaman selaras dengan slogan "Satu Keluarga Satu Rumah".

Penyediaan Rumah Mampu Milik (RMM) yang kini dikenali sebagai Rumah Mutiaraku (RMKu) yang mencukupi bagi rakyat Pulau Pinang merupakan agenda utama Kerajaan Negeri. Melalui Visi Penang 2030 di bawah Inisiatif Strategik A1: Menangani Isu Kemampuan dan Kepelbagaian Perumahan, sasaran penyediaan unit RMKu pelbagai kategori menjelang tahun 2030 adalah sebanyak 220,000 unit. Kerajaan Negeri juga telah menetapkan beberapa dasar melalui beberapa Garis Panduan (GP) yang sedang berkuat kuasa terutamanya di peringkat kelulusan Pelan Kebenaran Merancang (PKM). Antara dasar berkaitan pembekalan pemajuan perumahan biasa yang melebihi 150 unit di kawasan pembangunan atau 100 unit di luar kawasan pembangunan, adalah disyaratkan untuk menyediakan 30% RMKu A atau RMKu B. Selain itu, terdapat juga GP Pembangunan 100% Rumah Mampu Milik yang mana pemaju yang berhasrat untuk membangunkan keseluruhan skim pembangunan tersebut dengan 100% RMKu akan menikmati pelbagai insentif khas seperti pengurangan caj pemajuan,

pengurangan caj infrastruktur selain mendapat peningkatan nisbah plot dibenarkan sehingga 1:4.

- (a) Sehingga tarikh berakhir 20 April 2025, pembekalan unit RMKu telah mencecah sebanyak 167,574 unit bersamaan 76.17% di seluruh Negeri Pulau Pinang. Bagi pembekalan unit RMKu di Kawasan Pulau yang merangkumi Daerah Timur Laut (DTL) dan Daerah Barat Daya (DBD), sebanyak **93,588 unit (38%)** dalam pelbagai peringkat pembangunan iaitu 36,644 unit siap dibina, 15,637 unit dalam peringkat pembinaan dan 41,307 unit dalam peringkat perancangan dengan perinciannya adalah seperti **Jadual 1** di bawah:

Jadual 1: Perincian pembekalan unit RMKu di Kawasan Pulau

Jenis RMKu / Status	Siap Dibina		Pelbagai Peringkat Pembinaan		Perancangan	
	DTL	DBD	DTL	DBD	DTL	DBD
RMKu A	979	6,873	550	1,347	1,628	1,631
RMKu B	11,817	1,444	1,359	612	5,015	3,022
RMKu C	9,496	6,035	6,864	4,905	10,739	19,272
JUMLAH	22,292	14,352	8,773	6,864	17,382	23,925
JUMLAH KESELURUHAN	93,588 UNIT					

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VII)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

14. Nyatakan bilangan bangunan swasta dan bangunan kerajaan dalam negeri yang berusia 10 tahun ke atas dan berapa yang telah menjalani penilaian dan pemeriksaan keselamatan berkala mengikut Akta.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Seksyen 85(A), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [AKTA 133] menyatakan bahawa bangunan yang melebihi lima (5) tingkat serta selepas tahun ke sepuluh (10) yang bermula dari tarikh perakuan siap dan pematuhan (CCC) perlu menjalani pemeriksaan bangunan secara berkala.

Berdasarkan semakan terkini, terdapat sebanyak 770 buah bangunan swasta dan bangunan kerajaan di Negeri Pulau Pinang yang telah dikenal pasti berusia 10 tahun ke atas. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 217 buah bangunan telah menjalani penilaian dan pemeriksaan keselamatan secara berkala. Perincian adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A**BILANGAN BANGUNAN SWASTA DAN BANGUNAN KERAJAAN DI NEGERI PULAU PINANG YANG BERUSIA 10 TAHUN KE ATAS**

KATEGORI BANGUNAN	MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP)	MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)	PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG (PSUKPP)	JUMLAH (UNIT)
PERSENDIRIAN / SWASTA	605	153	-	758
KERAJAAN	-	8	4	12
JUMLAH KESELURUHAN (UNIT)				770

BILANGAN BANGUNAN YANG TELAH MENJALANI PENILAIAN DAN PEMERIKSAAN KESELAMATAN BERKALA DI NEGERI PULAU PINANG

KATEGORI BANGUNAN	MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP)	MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)	PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG (PSUKPP)	JUMLAH (UNIT)
PERSENDIRIAN / SWASTA	151	56	-	207
KERAJAAN	-	6	4	10
JUMLAH KESELURUHAN (UNIT)				217

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VII)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

15. Apakah dasar-dasar Kerajaan Negeri yang telah dilaksanakan bagi memastikan negeri berdaya huni dan berdaya saing? Jelaskan pelaksanaan dasar tersebut dan pencapaian.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

15. Tema A Visi Penang2030 berhasrat untuk meningkatkan daya huni bagi menambah baik kualiti kehidupan.

Terdapat empat (4) Inisiatif Strategik dalam Tema A untuk memastikan Pulau Pinang negeri berdaya huni, iaitu:

- i. Inisiatif Strategik A1: Menangani isu kemampuan dan kepelbagaian perumahan;
- ii. Inisiatif Strategik A2: Meningkatkan keselamatan dan kebersihan awam secara berterusan;
- iii. Inisiatif Strategik A3: Meningkatkan sistem Kebajikan dan penjagaan; dan
- iv. Inisiatif Strategik A4: Mempelbagaikan kemudahan rekreasi, sukan, seni dan budaya.

- (a) Pencapaian Inisiatif Strategik A1:

Tiga (3) sasaran dan pencapaian di bawah Inisiatif Strategik A1 adalah seperti berikut:

- i. Menyediakan sebanyak 220,000 unit Rumah Mampu Milik (RMM);

Pencapaian:

Sehingga 30 Mac 2025, sebanyak 166,607 unit RMM yang merangkumi kategori A, B dan C telah siap dibina atau sedang berada dalam pelbagai peringkat pembinaan. Usaha ini melibatkan pelbagai kerjasama antara Kerajaan Negeri dengan pihak pemaju swasta dan agensi berkaitan.

Perumahan ini disediakan secara menyeluruh di kedua-dua kawasan pulau dan Seberang Perai. Pencapaian ini menunjukkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam memastikan setiap lapisan masyarakat mempunyai akses kepada kediaman yang berkualiti dan berpatutan. Senarai lengkap projek dan lokasi boleh sebagaimana dilampirkan.

- ii. Memastikan 3,000 keluarga mendapat manfaat daripada pelaksanaan skim perumahan urban; dan

Pencapaian:

Bagi skim perumahan urban, seramai 6,837 keluarga telah menerima manfaat daripada inisiatif ini setakat 30 Mac 2025.

Melalui pelaksanaan skim perumahan urban yang menyasarkan keluarga berpendapatan rendah yang menetap di kawasan bandar.

Melebihi dua kali ganda daripada sasaran asal, pencapaian ini mencerminkan penerimaan baik serta keperluan mendesak rakyat terhadap model perumahan berkonsepkan urban.

- iii. Menyediakan sebanyak 22,000 unit rumah skim sewa beli.

Pencapaian:

Sehingga 30 Mac 2025, sebanyak 4,544 unit rumah di bawah skim sewa beli telah berjaya disediakan kepada rakyat Pulau Pinang.

Skim ini menawarkan peluang kepada rakyat yang belum mampu membeli rumah secara langsung untuk menduduki kediaman terlebih dahulu dengan opsyen pembelian pada masa akan datang. Ia memberi ruang kepada rakyat untuk merancang kewangan jangka panjang dan secara bertahap menjadi pemilik rumah. Senarai projek berkaitan adalah seperti dilampirkan.

(b) Pencapaian Inisiatif Strategik A2:

Empat (4) sasaran dan pencapaian di bawah Inisiatif Strategik A2 adalah seperti berikut:

- i. Pembinaan tapak pemindahan sisa pepejal Ampang Jajar bagi rawatan sisa organik;

Pencapaian:

Progres kemajuan pembinaan tapak pengurusan sisa pepejal organik di Ampang Jajar telah mencapai 82.85% setakat 30 Mac 2025. Tapak ini akan menjadi pusat rawatan sisa organik pertama yang berskala besar di Pulau Pinang, dan disasarkan mula beroperasi pada Julai 2025.

Apabila siap, ia dijangka dapat meningkatkan kecekapan pelupusan sisa serta mengurangkan sisa organik yang berakhir di tapak pelupusan, selaras dengan matlamat kelestarian alam sekitar negeri.

- ii. Mencapai kadar kitar semula sebanyak 70% di seluruh negeri menjelang tahun 2030;

Pencapaian:

Setakat Mac 2025, kadar kitar semula di Negeri Pulau Pinang telah mencapai 50.02%, menjadikan

Pulau Pinang negeri dengan kadar kitar semula yang amat tinggi di Malaysia.

- iii. Penilaian kualiti air di 33 stesen kualiti marin yang disasarkan berada dalam kategori baik menjelang 2030; dan

Pencapaian:

Sebanyak 33 stesen manual pemantauan kualiti marin telah dipasang di seluruh kawasan pesisiran negeri. Inisiatif ini bertujuan untuk menilai status ekologi laut dan mengenalpasti sebarang ancaman terhadap kualiti perairan.

Data yang dikumpul akan menjadi asas penting dalam merancang tindakan pemuliharaan marin, pengawalan aktiviti pembangunan pesisir, dan pelaksanaan polisi alam sekitar yang lebih menyeluruh.

- iv. Pemasangan 5,000 unit kamera litar tertutup (CCTV) di seluruh negeri menjelang 2030.

Pencapaian:

Sebanyak 1,436 unit kamera litar tertutup (CCTV) telah berjaya dipasang setakat 30 Mac 2025, sebagai sebahagian daripada inisiatif menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri pintar dan selamat.

Daripada jumlah ini, 1,089 unit dipasang oleh MBPP dan 347 unit dipasang oleh MBSP.

CCTV ini memainkan peranan penting dalam pemantauan keselamatan awam, pencegahan jenayah serta menyokong penguatkuasaan undang-undang oleh pihak berkuasa tempatan secara lebih efisien.

- (c) Pencapaian Inisiatif Strategik A3:

Tiga (3) sasaran dan pencapaian di bawah Inisiatif Strategik A3 adalah seperti berikut:

- i. 400 program dan aktiviti sosial yang melibatkan warga emas ke arah kehidupan yang sihat menjelang tahun 2030;

Pencapaian:

Sehingga 30 Mac 2025, sebanyak 2,803 program dan aktiviti telah berjaya dilaksanakan. Pencapaian ini jauh melebihi sasaran yang ditetapkan. Ini menunjukkan komitmen tinggi Kerajaan Negeri dalam memperkasakan warga emas.

- ii. 100 orang gelandangan produktif mampu mencapai kemandirian diri (self independence) melalui program di Pusat Transit Gelandangan di Jalan C.Y.Choy menjelang tahun 2030; dan

Pencapaian:

Sehingga 28 Februari 2025, sebanyak 114 orang gelandangan produktif mampu mencapai kemandirian diri (self independence) melalui program di Pusat Transit Gelandangan di Jalan C.Y.Choy.

- iii. 2,150,000 kilogram/2,150 tan lebihan makanan (surplus food) yang berkualiti diselamatkan dan diedarkan kepada individu yang memerlukan menjelang 2030;

Pencapaian:

Sehingga 30 Mac 2025, sebanyak 1,832,265 kg lebihan makanan (surplus food) yang berkualiti diselamatkan dan diedarkan kepada individu yang memerlukan.

- iv. Pencapaian Inisiatif Strategik A4:

Tiga(3) sasaran dan pencapaian di bawah Inisiatif Strategik A4 adalah seperti berikut:

- i. 10 buah fasiliti sukan & rekreasi yang baharu dibina secara tahunan;

Pencapaian:

Dari tahun 2020 hingga 30 Mac 2025, sebanyak 145 fasiliti sukan dan rekreasi baharu telah dibina, menunjukkan kadar pembangunan yang konsisten dan melebihi jangkaan.

- ii. Peningkatan 50% kadar aktiviti sukan dan rekreasi penduduk Negeri Pulau Pinang; dan

Pencapaian:

Di antara tahun 2024 sehingga 30 Mac 2025, seramai 170,188 warga Pulau Pinang telah mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti sukan dan rekreasi. Ini menonjolkan peningkatan penyertaan yang sangat positif, dan warga Pulau Pinang lebih melibatkan diri dalam aktiviti sihat dan cergas.

- iii. Peningkatan berganda dalam produksi seni/budaya yang berasaskan komuniti;

Pencapaian:

Dari tahun 2023 hingga Mac 2025, sebanyak 299 program seni/budaya komuniti telah dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Ini mencerminkan pertumbuhan aktif dalam bidang seni berasaskan masyarakat.

SENARAI PROJEK RUMAH MAMPU MILIK (RMM) A, B & C PULAU PINANG

b. Senarai Projek RMM A, B dan C Sedang Dibina

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
Daerah Timur Laut				
1	2017	Sandiland Foreshore	B	321
2	2017	Sandiland Foreshore	C	482
3	2017	Jelutong (Grace Harmonl)	B	310
4	2017	Jelutong (Grace Harmonl)	C	444
5	2018	Cecil Residensi	B	348
6	2018	Lot No. 30 Seksyen 4 Bandar Jelutong Lintang Hajah Rehmah	B	38
7	2018	Pangsapuri Warisan Indah	A	550
8	2019	Granito	B	342
9	2020	Ideal Residensi (2)	C	1,554
10	2021	Pinang Perdana	C	20
11	2021	Lot 809,810 dan Plot A, Lorong Madrasah, seksyen 4 Bandar	C	298
12	2017	336 & 337, Mukim 13 Paya Terubong, Jalan Teochew Satu,	C	646
13	2024	118 Harmony	C	118
14	2024	Ideal Venice Residensi	C	1,632
Jumlah DTL				7,103

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
Daerah Barat Daya				
1	2017	Seri Bayu	A	123
2	2017	Seri Bayu	B	123
3	2018	Quinton	C	379
4	2019	Belum dikemukakan	B	129
5	2019	Di Atas Lot 237,439,440 dan 441, Jalan Pulau Betong, Mukim J,	A	1,224

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
6	2019	Di Atas Lot 237,439,440 dan 441, Jalan Pulau Betong, Mukim J, Di ^{BD} Atas Lot 237,439,440 dan 441,	B	360
7	2019	Jalan Pulau Betong, Mukim J, DBD	C	320
8	2019	Di Atas Lot 256, Jalan Teluk Kumbar, Mukim 11, Daerah Barat	C	85
9	2021	Lot 451, Mukim 11, Lintang Teluk Kumbar 1, DBD	C	259
10	2022	London Pavillion	C	527
11	2023	Lot 30, Persiaran Relau, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang	C	1,670
12	2024	Maldives Residences	C	1,665
Jumlah DBD				6,864

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
Seberang Perai Utara				
1	2018	Taman Bayu Aman	A	160
2	2018	Mak Mandin	A	187
3	2021	PPA1M Konifer	C	112
4	2018	Belum dikemukakan	A	104
5	2018	Belum dikemukakan	C	312
6	2022	Belum dikemukakan	C	96
7	2024	Scientex Sungai Dua(Fasa 5)	C	364
8	2024	Harbour View	C	373
9	2024	Scientex Sungai Dua(Fasa 4)	C	291
10	2024	Scientex Sungai Dua(Fasa 3)	C	282
11	2024	Scientex Sungai Dua(Fasa 7)	C	204
12	2018	Taman Ara Damai	A	468

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
			Jumlah DBD	2,953

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
Seberang Perai Tengah				
1	2017	Taman Machang Bubuk Fasa III Blok A	A	79
2	2018	The Loft	C	281
3	2017	Aston Park	A	87
4	2017	Taman Seri Puteri	A	128
5	2017	Seberang Jaya	A	90
6	2021	Di Atas Lot 2163, Mukim 4, Jalan Permatang Pauh, SPT	C	410
7	2018	di atas Lot 2140, Mukim 4	C	112
8	2018	Di Atas Lot 200, 252, dan 3117, Mukim 4, Seberang Perai Tengah	A	150
9	2021	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa	A	193
10	2021	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim	A	30
11	2021	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim	B	118
12	2021	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim	C	98

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
13	2021	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim	A	29
14	2021	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim	B	90
15	2021	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B)	A	63
16	2021	3586, Plot C & D Serta Plot A & B	B	82
17	2021	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B	A	24
18	2021	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B	B	59
19	2021	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B	C	20
20	2021	Di atas Lot 2140, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Tengah,	C	112
21	2021	Di atas Lot 2140, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Tengah,	B	198
22	2021	Lot 317794 (Lot lama 1370), Jalan Rozhan, Mukim 15, SPT	C	751
23	2021	Pangsapuri Rambai Mewah	C	396

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
24	2019	Belum dikemukakan	C	160
25	2022	Aston Minca Residence	C	237
Jumlah DBD				3,997

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
Seberang Perai Selatan				
1	2022	Belum dikemukakan	A	272
2	2022	Belum dikemukakan	A	68
3	2020	Belum dikemukakan	C	315
4	2018	Bandar Cassia Fasa 4	B	3,223
5	2018	Bandar Cassia Fasa 4	C	8,000
Jumlah DBD				11,878
Jumlah Keseluruhan				32,795

SENARAI PROJEK RUMAH MAMPU MILIK (RMM) A, B & C PULAU PINANG

a. Senarai Projek RMM A, B dan C Siap dan Terima Sijil Layak Menduduki (OC) / Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) Sejak Tahun 2008

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
Daerah Timur Laut				
1	2008	Taman Serina	A	125
2	2008	Taman Serina	B	145
3	2008	Desa Indah	B	972
4	2008	Taman Permai Jaya	B	127
5	2009	Taman Sri Saujana	A	192
6	2009	Nipah Court	A	180
7	2009	Taman Sri Saujana	B	544
8	2009	Palm Court	B	512
9	2009	Taman Sri Aman C1	B	354
10	2009	Bukit BI	B	295
11	2009	Puncak Erskine	B	1,038
12	2009	Pinang Court	B	389
13	2010	Taman Sri Saujana	A	238
14	2010	Taman Seri Tanjong	A	40
15	2010	Taman Sinar Pelangi	B	287
16	2010	Taman Sri Aman C2	B	347
17	2010	Taman Sri Saujana	B	466
18	2012	Halaman Kenanga	A	204
19	2012	Halaman Kenanga	B	510
20	2012	The Pulse	B	249
21	2012	Taman Pelangi Indah	B	354
22	2012	Palm Court	B	486
23	2014	Shineville	B	234
24	2014	Taman Bukit Erskine	B	554
25	2014	Halaman Kristal	B	245
26	2015	Centrio Avenue	B	780
27	2017	Selasih Court	B	644
28	2018	Egarden	B	142
29	2018	Tri Pinnacle	B	458
30	2018	Tri Pinnacle	C	859
31	2018	Taman Gema Intan	B	109
32	2018	Taman Skyridge	B	184
33	2018	Taman Skyridge	C	154
34	2018	Iconic Vue	C	232
35	2020	ISantorini	C	2155
36	2020	SP Chelliah	B	770

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
37	2019	SP Chelliah	C	1323
38	2017	Artis 3	B	158
39	2021	332, 407 dan 460, Seksyen 1 Batu Feringgi, Batu Feringgi, DTL	B	464
40	2021	The Stone	C	1,000
41	2017	Granito	C	980
42	2018	The Zen	C	1,200
43	2019	The Dew	C	281
44	2020	Ideal Residensi (1)	C	1,312
Jumlah DTL				22,292

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
Daerah Barat Daya				
1	2008	Saujana Permai	A	156
2	2010	Pangsapuri Bayan Indah	A	94
3	2011	Taman Freesia	A	78
4	2011	Desa Nipah (Lembaman)	A	80
5	2012	Idaman Melur	A	280
6	2012	Setia Vista	A	165
7	2013	Kuala Sg Pinang	A	216
8	2013	Taman I Park	A	642
9	2014	Setia Vista	A	165
10	2014	Taman Freesia	A	78
11	2014	Sri Akasia	A	133
12	2015	Idaman Seroja	A	480
13	2015	Taman Seri Anggun	A	160
14	2016	Bayu Nyaman	A	690
15	2016	Prestige 3	A	250
16	2016	Idaman Selasih	A	478
17	2016	Idaman Selasih	B	478
18	2017	Rimbun Pangsapuri	A	459
19	2017	Kejora	A	240
20	2017	Suria Merbah	A	349
21	2018	Taman Ria	A	135
22	2018	Sunway Cassia/Desa Kayu Manis	A	90
23	2018	Taman Ria	B	135
24	2018	Ramah Pavilion	C	759
25	2016	I-Condo @ One Foresta	C	1343
26	2017	Mahsuri Court	A	65

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
27	2017	Mahsuri Court	B	65
28	2017	Mahsuri Court	C	108
29	2017	Pala Palace	A	100
30	2017	Dua Residensi	B	346
31	2017	Dua Residensi	C	348
32	2021	Mercury / Teluk Kumbar Height	B	240
33	2021	Kuala Sg Pinang	A	52
34	2021	Cassa Ara	A	63
35	2021	Cassa Ara	B	63
36	2021	310, 311, 312 & 10632 (Sbhg Lot 451(Lot Lama), Mukim D Bagan Air Itam, Jalan Prestij 4, Daerah	A	1,175
37	2018	Prestige III	C	203
38	2017	Fairview Residence	B	117
39	2017	Fairview Residence	C	692
40	2018	Tree O	C	1,240
41	2021	Havana Residence	C	1,342
Jumlah DBD				14,352

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
Seberang Perai Utara				
1	2008	Taman Sri Desa (Kg. Besar)	A	429
2	2008	Taman Chempedak (Padang Chempedak)	A	435
3	2008	Taman Sepadu	A	48
4	2009	Taman Merbau Indah	A	197
5	2009	Bertam Perdana 3	A	412
6	2009	Taman Ampang Jajar	A	304
7	2010	Taman Sentral	A	54
8	2010	Taman Merbau Jaya	A	146
9	2010	Taman Sg. Dua Utama	A	266
10	2010	Taman Penaga Permai	A	172
11	2011	Pangsapuri Suria	A	439
12	2011	Taman Sejahtera Indah	A	80
13	2012	Bertam Perdana 3 Fasa 13	A	193
14	2013	Taman Seri Indah	B	34
15	2014	Bertam Perdana Fasa II	A	120

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
16	2014	Bandar Putra Bertam	A	76
17	2014	Bandar Putra Bertam	B	304
18	2015	Taman Bayu Aman	A	149
19	2016	Desa Ara	A	172
20	2017	Lampam	A	132
21	2018	Patin	A	72
22	2018	Mekarsari	A	141
23	2018	Mekarsari	B	141
24	2018	The Park, Mak Mandin	C	780
25	2018	Bertam Perdana 2 Fasa 1D-1	A	140
26	2021	Taman Desa Ara Permai	A	264
27	2021	Taman Desa Ara Permai	C	503
28	2021	Oren Serdang	A	120
29	2021	Jiran Residensi	B	353
30	2021	Jiran Residensi	C	354
31	2021	Desa Ara	A	172
32	2021	Legasi Bertam	A	80
33	2017	Taman Perda Indah	B	203
34	2017	Taman Perda Indah	C	707
35	2016	Taman Perda Indah	B	200
36	2018	Taman Perda Indah	C	232
37	2020	Belum dikemukakan	A	640
38	2022	Belum dikemukakan	A	2,334
39	2023	Scientex Fasa 1	C	382
40	2020	Scientex (Fasa 2)	C	180
41	2020	Scientex (Fasa 3)	C	282
42	2020	Scientex (Fasa 4)	C	291
43	2020	Scientex (Fasa 5)	C	203
44	2020	Scientex (Fasa 6)	C	197
45	2020	Scientex (Fasa 7)	C	204
46	2019	Senamas	C	338
Jumlah DBD				13,675

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
Seberang Perai Tengah				
1	2009	Taman Nagasari	A	175
2	2009	Taman Sri Delima	A	260
3	2009	Taman Bukit Juru	A	120
4	2009	Taman Pauh Jaya	A	98
5	2009	Taman Pauh Fasa 1A	B	18
6	2010	Desa Titi Panjang	A	60

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
7	2011	Taman Guar Perahu Indah	A	59
8	2011	Taman Machang Bubuk Fasa III	A	308
9	2011	Taman Machang Bubuk Fasa III	A	312
10	2011	Taman Machang Bubuk Fasa III	A	22
11	2013	Desa Impian	A	69
12	2014	Seri Akasia	A	134
13	2014	Park View Residences	A	174
14	2014	Rumah Pangsa Tropika	A	114
15	2014	Sanctuary Court	A	247
16	2015	Hillpark Residensi	A	96
17	2016	Laguna Indah	B	256
18	2017	Taman Lembah Indah	A	288
19	2017	Taman Desa Prominance	A	124
20	2017	Permatang Tok Suboh	A	231
21	2008	Taman Perwira Indah	A	218
22	2008	Pinggiran Alma	A	131
23	2008	Taman Bukit Juru	A	95
24	2008	Taman Bayu Mutiara	A	77
25	2018	Pangsapuri Harmoni	A	110
26	2017	Permatang Tok Suboh	A	39
27	2021	Taman Machang Bubuk Fasa III Blok C	A	79
28	2021	PR1MA @ Permatang Pauh	C	1017
29	2021	Woodlands	C	186
30	2021	Taman Lembah Permai	A	60
31	2021	Taman Nagasari A	A	160
32	2017	Macang Bubuk, Mukim 15, SPT.	A	110
33	2017	PPA1M Alma, Jalan Seladang, Mukim 15, SPT	C	112
34	2018	Wakaf Seete Aisha Fasa 2, Seberang Jaya, SPT	C	572
35	2018	PPA1M Jalan Lestari, Mukim 6	C	120
36	2021	Di atas Lot 31345, Mukim 14, Seberang Perai Tengah	A	95

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
37	2017	D'Palma	A	270
38	2021	Jalan Seladang, Mukim 15, SPT	A	560
Jumlah DBD				7,176

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
Seberang Perai Selatan				
1	2008	Taman Merpati Indah	A	58
2	2009	Taman Dato' Kramat	A	63
3	2009	Taman Pancur Mutiara	A	70
4	2010	Taman Jawi Ria	A	36
5	2011	Taman Tekukur Indah	A	78
6	2012	Taman Sri Bistar	A	112
7	2012	Taman Sungai Duri Permai	A	224
8	2012	Halaman Seroja	B	195
9	2012	Taman Sungai Duri Permai	B	114
10	2012	Taman Sungai Duri Permai	B	30
11	2013	Taman Seri Saujana	A	40
12	2014	Taman Seri Putera	A	74
13	2014	Taman Perdana	A	106
14	2015	Taman Sungai Jawi Fasa 1	A	77
15	2016	Taman Pekatra Indah	A	55
16	2016	Seri Saujana Fasa 1K	A	44
17	2018	Taman Halaman Indah	A	211
18	2018	Taman Halaman Indah	B	249
19	2018	Suria	B	149
20	2018	Suria	C	371
21	2017	Taman Sungai Jawi	A	61
22	2017	Taman Sungai Bakap Perdana	A	72
23	2018	Panchor Residence	B	85
24	2021	Kepala Gajah	A	41
25	2017	Bandar Tasik Mutiara	A	279
26	2021	Bandar Tasik Mutiara B	A	391
27	2021	Bandar Tasik Mutiara C	A	391
Jumlah DBD				3,676
Jumlah Keseluruhan				61,171

SENARAI PROJEK RUMAH MAMPU MILIK (RMM) A, B & C PULAU PINANG

c. Senarai Kebenaran Merancang Projek RMM A B dan C Swasta dan Perancangan Kerajaan Negeri & Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
Daerah Timur Laut				
1	2018	Belum dikemukakan	C	1,248
2	2017	Belum dikemukakan	B	15
3	2017	Belum dikemukakan	C	182
4	2017	Belum dikemukakan	B	194
5	2017	Belum dikemukakan	A	85
6	2018	Belum dikemukakan	A	650
7	2018	Belum dikemukakan	B	1,248
8	2018	Belum dikemukakan	A	566
9	2018	Kota Giam	A	261
10	2018	Kota Giam	C	1,827
11	2018	Kota Giam	B	922
12	2018	Belum dikemukakan	B	200
13	2018	Belum dikemukakan	C	2,225
14	2020	Belum dikemukakan	B	70
15	2018	Belum dikemukakan	C	205
16	2019	Belum dikemukakan	C	313
17	2019	Belum dikemukakan	B	464
18	2020	Belum dikemukakan	B	27
19	2021	Belum dikemukakan	C	410
20	2021	Belum dikemukakan	C	838
21	2022	Belum dikemukakan	C	527
22	2022	Belum dikemukakan	C	300
23	2022	Belum dikemukakan	C	1,670
24	2022	Belum dikemukakan	B	930
25	2022	Belum dikemukakan	C	500
26	2022	Belum dikemukakan	C	345
27	2023	Areca Residence	C	596
28	2023	Belum dikemukakan	A	66
29	2023	Belum dikemukakan	B	78
30	2023	Belum dikemukakan	C	1,223
31	2023	Belum dikemukakan	B	525
32	2024	Belum dikemukakan	B	342
Jumlah DTL				19,052

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
Daerah Barat Daya				
1	2016	Belum dikemukakan	A	192
2	2016	Belum dikemukakan	B	192
3	2018	Belum dikemukakan	A	645
4	2017	Belum dikemukakan	A	160
5	2017	Belum dikemukakan	B	288
6	2017	Belum dikemukakan	B	108
7	2017	Belum dikemukakan	C	128
8	2017	Belum dikemukakan	C	559
9	2017	Belum dikemukakan	C	2500
10	2017	Belum dikemukakan	C	4000
11	2018	Belum dikemukakan	A	327
12	2018	Belum dikemukakan	C	168
13	2018	Belum dikemukakan	C	201
14	2018	Belum dikemukakan	C	220
15	2019	Belum dikemukakan	B	357
16	2019	Belum dikemukakan	C	1,188
17	2019	Belum dikemukakan	A	115
18	2019	Belum dikemukakan	B	115
19	2021	Belum dikemukakan	A	192
20	2021	Belum dikemukakan	B	192
21	2021	Bukit Gedong	B	300
22	2021	Bukit Gedong	C	960
23	2021	Belum dikemukakan	C	536
24	2021	Belum dikemukakan	C	1,202
25	2021	Belum dikemukakan	C	849
26	2021	Belum dikemukakan	C	960
27	2022	URC Mahsuri 5 Point Block Fasa 1	B	300
28	2023	URC Mahsuri 5 Point Block Fasa 1	C	770
29	2023	Belum dikemukakan	B	360
30	2023	Belum dikemukakan	C	1,299
		Belum dikemukakan	B	150
31	2023	Belum dikemukakan	C	1,240
32	2023	Belum dikemukakan	B	372
33	2023	Belum dikemukakan	C	1,050
34	2024	Esenview Residence	C	484
35	2024	Belum dikemukakan	B	288
36	2024	Belum dikemukakan	C	958
Jumlah DBD				23,925

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
Seberang Perai Utara				
1	2018	Belum dikemukakan	A	225
2	2018	Belum dikemukakan	A	119
3	2018	Belum dikemukakan	C	3,549
4	2018	Belum dikemukakan	A	439
5	2018	Belum dikemukakan	C	1,130
6	2018	Belum dikemukakan	A	70
7	2022	Belum dikemukakan	B	720
8	2022	Belum dikemukakan	C	2,080
9	2023	Belum dikemukakan	C	231
Jumlah DBD				8,563

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
Seberang Perai Tengah				
1	2017	Belum dikemukakan	B	1,180
2	2017	Belum dikemukakan	C	1,268
3	2017	Belum dikemukakan	C	704
4	2017	Belum dikemukakan	B	894
5	2017	Belum dikemukakan	C	1,287
6	2017	Belum dikemukakan	A	420
7	2017	Belum dikemukakan	A	230
8	2017	Belum dikemukakan	A	84
9	2021	Belum dikemukakan	A	74
10	2021	Belum dikemukakan	A	182
11	2021	Belum dikemukakan	A	182
12	2021	Belum dikemukakan	A	400
13	2021	Belum dikemukakan	B	694
14	2021	Belum dikemukakan	B	395
15	2021	Belum dikemukakan	C	544
16	2021	Belum dikemukakan	A	350
17	2021	Belum dikemukakan	C	412
18	2021	Belum dikemukakan	C	5,980
19	2021	Belum dikemukakan	A	190
20	2022	Belum dikemukakan	C	550
21	2022	Perai (Kg Main)	C	1,400
22	2022	Perai (Kg Main)	B	960
23	2022	Belum dikemukakan	B	150
24	2023	Pangsapuri Sejahtera	C	113
25	2023	Juruhills	C	1,236
26	2024	Residensi Harmoni Indah	C	204
Jumlah DBD				20,083

Bil.	Tahun	Projek	Jenis RMKu	Bil. Unit
Seberang Perai Selatan				
1	2018	Taman Ilmu Fasa 8(1), Taman Ilmu Fasa 8 (5), Taman Ilmu Fasa 8(8)	A	360
2	2022	Belum dikemukakan	A	152
3	2023	Belum dikemukakan	A	208
4	2024	IPIL Residence	C	298
Jumlah DBD				1,018
Jumlah Keseluruhan				72,641

SENARAI PROJEK SEWA BELI (RTO)

BIL.	SKIM PERUMAHAN	JENIS RMK _u	JENIS KEDIAMAN	STATUS	JUMLAH UNIT
1	Taman Prestij Idaman, Barat Daya	A	Strata	Siap	612
2	B Park, Barat Daya	A	Strata	Perancangan	500
		B			
3	PPR Tok Suboh, Seberang Perai Tengah	B	Teres	Siap	231
4	PPR Mak Mandin, Seberang Perai Utara	B	Strata	Siap	70
5	Taman Seri Desa, Seberang Perai Utara	A	Teres	Siap	64
6	Taman Seruling Emas, Seberang Perai Selatan	A	Strata	Siap	51
7	Taman Sungai Duri Emas, Seberang Perai Selatan	A	Townhouse	Siap	104
8	Rumah Pangsa Desa Wawasan, Seberang Perai Tengah	A	Strata	Siap	456
9	Byram, Daerah Seberang Perai Selatan	A	Teres	Pembinaan	68
10	Taman Sejahtera Rakyat, Seberang Perai Selatan	B	Teres	Siap	41
11	Taman Desa Tok Suboh, Seberang Perai Tengah	B	Teres	Siap	39
12	Taman Desa Ara Permai, Seberang Perai Utara	A	Teres	Siap	100
		B			
13	Taman Murai Jaya, Seberang Perai Selatan	A	Pangsa	Pembinaan	36
14	Ladang Kaledonia	A	Teres	Pembinaan	272
15	Mak Mandin Residensi	A	Pangsa	Pembinaan	187
16	Ampang Jajar	B	Pangsa	Perancangan	360
17	PPR Taman Bagan Jaya	A	Pangsa	Siap	382
18	Ramah Pavilion (M Summit)	C	Pangsa	Siap	30
19	Quinton (Prisma Bumi Raya)	C	Pangsa	Pembinaan	23
20	Pangsapuri Mekarsari	A	Pangsa	Siap	21
		B	Pangsa	Siap	23
21	Pangsapuri Bandar Putra Bertam	A	Pangsa	Siap	1
22	The Dew	C	Pangsa	Pembinaan	5
23	iSantorini	C	Pangsa	Siap	41
24	Havana	C	Pangsa	Pembinaan	36
25	Ideal Residensi	C	Pangsa	Pembinaan	33
26	Bukit Gedong	B	Pangsa	Perancangan	300
27	Ara Suria	A	Pangsa	Pembinaan	105

BIL.	SKIM PERUMAHAN	JENIS RMKu	JENIS KEDIAMAN	STATUS	JUMLAH UNIT
28	Pangsapuri Suria	A	Pangsa	Pembinaan	353
JUMLAH KESELURUHAN					4,544

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VII)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

16. Kemukakan maklumat terperinci dan ulasan daripada libat urus agensi Persekutuan cawangan negeri, Kerajaan Negeri dan Tempatan berhubung Akta Pembangunan Semula Bandar yang sedang dirangka.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Kerajaan Negeri telah mengambil langkah awal melalui penyediaan Garis Panduan (GP) Pelaksanaan Pembaharuan Semula Bandar (PSB) [Pembangunan Perumahan] Pulau Pinang, yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 9/2022 pada 20 September 2022. GP ini turut menerima pengiktirafan dan sokongan Kerajaan Persekutuan melalui kelulusan GP Pelaksanaan PSB dalam Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-81 pada 2 November 2023.

Sehubungan dengan itu, pelaksanaan projek PSB berdepan dengan kekangan dari sudut perundangan sedia ada, khususnya berkaitan pembangunan berstrata yang tertakluk kepada Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318] dan Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757]. Justeru, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa penggubalan Akta PSB adalah amat diperlukan bagi mewujudkan peruntukan perundangan yang lebih komprehensif dan sesuai untuk melaksanakan pembaharuan semula kawasan bandar secara terancang.

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) melalui Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan (BPKSP) telah mengadakan beberapa Sesi Libat Urus (SLU) Penggubalan Akta Pembaharuan Semula Bandar (PSB) bertempat di Bilik Mesyuarat Utama PlanMalaysia@Pulau Pinang pada 13 Mei 2024,

di Putrajaya pada 7 Jun 2024 dan di Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) pada 21 Oktober 2024 bersama Pihak Berkuasa Tempatan seluruh Malaysia dan Lembaga Perumahan Negeri. SLU ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan maklumbalas bagi cadangan pengubalan Akta PSB ini.

Walau bagaimanapun, segala pandangan dan maklumbalas daripada agensi/jabatan yang hadir telah dikemukakan semasa sesi tersebut dan tidak direkodkan atau disampaikan berasingan selepas sesi tersebut. Sehubungan dengan itu, sehingga kini draf Undang-Undang PSB masih dalam semakan Jabatan Peguam Negara.

Sehingga suku pertama tahun 2025, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) telah mengenal pasti enam (6) projek rintis PSB di bawah Pelan Induk Pembangunan Rumah Mampu Milik Negeri Pulau Pinang (Rumah Mutiaraku), iaitu:

- i. PSB Mahsuri;
- ii. PSB Mak Mandin;
- iii. PSB Siakap;
- iv. PSB Taman Mesra;
- v. PSB Taman Free School; dan
- vi. PSB Padang Tembak.

Projek-projek ini melibatkan sejumlah 6,837 unit kediaman sedia ada. Di bawah pendekatan ini, pemilik asal akan ditawarkan unit gantian yang lebih luas, selesa dan dilengkapi kemudahan sokongan seperti tempat letak kereta, yang diberikan secara percuma, berbanding unit asal yang kecil dan tidak mempunyai kemudahan parkir.

Kerajaan Negeri juga ingin menegaskan bahawa sokongan terhadap Rang Undang-undang (RUU) PSB ini adalah bersifat menyeluruh dan inklusif. RUU ini tidak akan meminggirkan atau menjejaskan hak mana-mana pihak berdasarkan kaum atau tahap pendapatan. Pendekatan pelaksanaan adalah berdasarkan rundingan bersama pemilik hartanah dan tidak melibatkan unsur paksaan.

Melalui peruntukan Akta PSB ini, pelaksanaan projek PSB dapat diperkasa dari sudut pentadbiran, pelaksanaan dan kawal selia serta dalam masa yang sama menjamin perlindungan kepada hak dan kepentingan pemilik asal. Akta ini turut berpotensi merangsang pertumbuhan ekonomi tempatan melalui pemodenan kawasan, peningkatan nilai hartanah, penyediaan perumahan lebih berkualiti serta pembangunan komuniti yang mampan.

Antara manfaat utama pelaksanaan PSB adalah seperti berikut:

(i) Meningkatkan Kualiti Hidup Penduduk;

- 1) Menyediakan perumahan yang lebih selesa dan selamat; dan
- 2) Menyediakan kemudahan awam seperti taman, pusat komuniti dan infrastruktur asas.

(ii) Mengatasi Keusangan Infrastruktur;

- 1) Membaharui bangunan usang dan infrastruktur yang tidak selamat; dan
- 2) Menambah baik sistem saliran, jalan raya, elektrik dan air.

(iii) Menjana Pembangunan Ekonomi Tempatan;

- 1) Meningkatkan nilai hartanah dan peluang pelaburan; dan
- 2) Merangsang pertumbuhan perniagaan kecil dan sederhana.

(iv) Mengoptimumkan Penggunaan Tanah;

- 1) Perancangan semula kawasan bandar yang padat atau tidak efisien; dan
- 2) Menggalakkan pembangunan berorientasikan transit (TOD) dan berintensiti tinggi.

(v) Mengurangkan Ketidaksamaan Sosial dan Ekonomi;

- 1) Menyediakan akses kepada perumahan mampu milik dan peluang pekerjaan; dan
- 2) Mengurangkan jurang pembangunan antara kawasan maju dan terpinggir.

(vi) Meningkatkan Keselamatan dan Kebersihan Bandar;

- 1) Menjadikan kawasan berisiko lebih selamat dan bersih; dan
- 2) Menyediakan pencahayaan jalan dan reka bentuk bandar yang inklusif.

(vii) Memelihara Warisan dan Identiti Tempatan; dan

- 1) Peluang untuk memelihara bangunan bersejarah secara sensitif.

(viii) Menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG);

- 1) Terutamanya SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan.

Inisiatif ini juga adalah selaras dengan strategi L2.1.1.6 dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 iaitu untuk melaksanakan program PSB di kawasan perumahan usang dengan mengambil kira kebajikan semua penduduk terlibat.

Kerajaan Negeri komited sepenuhnya terhadap pelaksanaan undang-undang ini bagi mempercepatkan transformasi bandar yang inklusif, lestari dan berdaya huni demi kesejahteraan jangka panjang rakyat dan negeri.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VII)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

17. Apakah dasar Kerajaan Negeri berhubung pengurusan bencana?
- (a) Nyatakan pencapaian dalam pembangunan modul bencana alam dalam *Virtual Island Penang*.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

17. Dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam pengurusan bencana adalah selaras dengan Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 20, yang kini diselaraskan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) melalui *Arahan NADMA No. 1*. Arahan ini menjadi dasar utama serta mekanisme pelaksanaan pengurusan bencana di peringkat kebangsaan, merangkumi aspek kesiapsiagaan, tindak balas, pemulihan, dan pencegahan bencana. Kerajaan Negeri melaksanakan dasar ini melalui agensi-agensi berkaitan di peringkat negeri dan daerah, dengan penglibatan pelbagai pihak seperti jawatankuasa pengurusan bencana negeri, pihak berkuasa tempatan, agensi teknikal dan pasukan keselamatan.
- (a) Pembangunan modul bencana alam dalam platform *Virtual Island Penang* telah mencapai beberapa pencapaian penting dengan penggunaan teknologi terkini. Modul ini membolehkan simulasi pengurusan bencana, terutamanya bagi fasa pasca bencana, seperti pelaksanaan kerja-kerja pembersihan yang diselaraskan di peringkat pihak berkuasa tempatan (MBPP). Selain itu, sebuah platform komunikasi turut dibangunkan bagi menyampaikan maklumat semasa seperti amaran cuaca kepada orang awam. Modul ini membolehkan penerimaan aduan berkaitan bencana daripada masyarakat melalui aplikasi

Super Apps PEARL, sekaligus meningkatkan kecekapan tindak balas dan penyelarasan semasa berlakunya insiden.

Di samping itu, MBPP turut membangunkan *Landslide Information System*, iaitu satu papan pemuka digital yang merekodkan kejadian tanah runtuh, kajian dan siasatan geoteknikal, laporan tapak, serta aktiviti pembangunan dan pertanian di kawasan pentadbiran MBPP. Sistem ini kini dalam fasa pengujian dan dijangka akan digunakan sepenuhnya mulai awal Jun 2025.

Sebagai inisiatif selanjutnya, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan memaparkan modul ini dalam sistem *Penang Alert* dan Geobencana bagi memperkukuh system penyampaian maklumat bencana kepada orang awam.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VII)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

18. Pusat Transit Gelandangan telah berjaya membantu golongan tidak bernasib baik. Adakah modul ini akan diperluaskan oleh Kerajaan Negeri selaras dengan Penang2030?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Pusat Transit Gelandangan Pulau Pinang (PTGPP) yang terletak di Jalan C.Y. Choy merupakan salah satu inisiatif penting di bawah program *Empowering the Street Citizens* oleh Kerajaan Negeri, dalam menangani isu gelandangan secara lebih holistik, berfokus kepada pemulihan dan pemerikasaan sosial. Sejak mula beroperasi pada September 2023, PTGPP telah menunjukkan keberkesanan dalam menyediakan perlindungan, akses kepada sokongan sosial, latihan kemahiran, dan peluang integrasi semula ke dalam masyarakat kepada golongan yang memerlukan.

Untuk makluman, kos pembinaan PTGPP adalah sebanyak RM4,440,440.00, manakala kos operasi dianggarkan sekitar RM45,000 sebulan. Ini menunjukkan komitmen jangka panjang Kerajaan Negeri dalam memastikan inisiatif ini dapat berfungsi secara mampan dan profesional.

Sememangnya Kerajaan Negeri mempunyai hasrat untuk memperluaskan kemudahan dan perkhidmatan PTGPP ke kawasan lain sekiranya terdapat keperluan. Namun begitu, sebarang inisiatif yang diambil perlu diteliti dengan mengambil kira keadaan ekonomi semasa Kerajaan Negeri.

Di samping itu, kita juga harus memastikan PTGPP yang sedia ada telah dimanfaatkan dengan sepenuhnya dan menilai keberkesanan modul sebelum membuat keputusan lanjut berkenaan perluasan modul. Ini penting bagi memastikan setiap inisiatif sosial yang dilaksanakan bukan sahaja responsif terhadap keperluan masyarakat, tetapi juga dilaksanakan secara bertanggungjawab dan mampan.

Usaha ini adalah selaras dengan visi Penang2030 ke arah sebuah negeri yang berfokus kepada keluarga, hijau, pintar dan inklusif, di mana setiap lapisan masyarakat, termasuk mereka yang terpinggir, tidak diketepikan daripada arus pembangunan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VII)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

19. Nyatakan bilangan gelandangan yang masih terbiar dan belum diselamatkan di Pulau Pinang dan secara khusus di KADUN Batu Lancang.

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Isu gelandangan adalah bersifat dinamik kerana golongan ini sering berpindah dari satu lokasi ke lokasi yang lain dan tidak menetap secara tetap. Oleh itu, tiada data khusus direkodkan bagi gelandangan yang masih terbiar kerana tindakan hanya diambil berdasarkan aduan atau maklumat yang diterima daripada orang awam. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan sentiasa menjalankan operasi secara berjadual bagi menyantuni golongan ini dan memberikan bantuan yang sewajarnya mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh jabatan.

Berdasarkan rekod JKM Negeri Pulau Pinang melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Timur Laut, sepanjang tempoh 2022 hingga Mac 2025, sejumlah 27 orang papa telah disantuni di kawasan ini. Daripada jumlah tersebut, lima (5) orang telah ditempatkan di institusi di bawah seliaan jabatan, manakala 22 orang lagi dikenal pasti mempunyai keluarga dan tempat tinggal tetap dan telah diberikan nasihat serta amaran agar tidak berkeliaran di kawasan awam.

Operasi menyelamatkan dan pemantauan orang papa dilaksanakan secara berjadual, bersepadu dan *ad-hoc* berdasarkan lokasi-lokasi tumpuan serta aduan yang diterima. Lokasi pemantauan utama melibatkan kawasan sekitar CIMB Batu Lencang, Georgetown Farmasi, Maybank Batu Lencang serta kawasan sekitar Balai Polis Jelutong. Usaha ini dilaksanakan bagi memastikan persekitaran yang bersih, selamat dan kondusif kepada masyarakat setempat.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VII)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

20. Isu bekalan air bersih menjadi satu isu dan sering dijadikan bahan politik. Nyatakan perancangan jangka masa panjang untuk mengatasi masalah ini.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Kerajaan Negeri mengambil maklum berkaitan dengan isu bekalan air bersih menjadi satu isu dan sering dijadikan bahan politik. Kerajaan Negeri melalui pelbagai agensi telah mengambil pelbagai inisiatif untuk tindakan jangka masa pendek, sederhana dan jangka masa panjang untuk mengatasi masalah ini. Antara perancangan jangka masa panjang Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:
- (a) Kerajaan Negeri melalui BKSA telah menggubal Rang Undang-Undang Baharu iaitu Lembaga Sumber Air Pulau Pinang dan Sumber Air Pulau Pinang untuk memperkasakan pengurusan sumber air negeri sepertimana negeri-negeri lain. Satu badan khusus iaitu Lembaga Sumber Air Pulau Pinang akan ditubuhkan yang akan memainkan peranan utama dalam merancang dan menyelaras pengurusan sumber air secara sistematik. Dengan adanya lembaga ini, segala aktiviti berkaitan penggunaan, pengambilan dan pemeliharaan sumber air dapat dipantau secara lebih teratur dan berkesan. Ini penting bagi memastikan sumber air digunakan secara mampan di samping memastikan kualiti air sentiasa bersih dan selamat mengikut piawaian yang telah ditetapkan. RUU Sumber Air ini juga memberi punca kuasa untuk menetapkan peraturan dan larangan terhadap aktiviti-aktiviti yang boleh mencemarkan sungai, tasik dan air bawah tanah seperti

pembuangan sisa toksik, najis ternakan atau bahan kimia. Melalui penguatkuasaan undang-undang ini, pencemar boleh dikenakan tindakan undang-undang dan denda yang sewajarnya. Hal ini penting bagi memastikan sumber air tidak tercemar dan kekal selamat untuk kegunaan harian. Selain itu, RUU ini juga membantu mengurus pengambilan air secara mampan. Dengan adanya sistem pelesenan, hanya pihak yang diberi kebenaran boleh mengambil air dalam kuantiti tertentu yang tidak melebihi kapasiti ekosistem. Ini mengelakkan eksploitasi sumber air secara berlebihan dan menjamin kelangsungan bekalan air bersih untuk jangka masa panjang, terutamanya semasa musim kemarau atau ketika berlaku peningkatan permintaan.

- (b) Jabatan Veterinar juga telah membangunkan sebuah loji biogas di Kg. Valdor bagi tujuan pengurusan tinja babi. Lori tangki digunakan untuk mengumpul tinja ternakan di ladang babi dan dibawa balik ke loji biogas, terdapat juga ladang yang memasang sistem paip dari kolam kumbahan terus ke loji dan dipindahkan terus menggunakan pam berkuasa tinggi. Ini merupakan langkah jangka masa panjang untuk menguruskan sisa najis tersebut secara sistematik dan terkawal bagi mengurangkan pencemaran ke atas sumber air dan secara tidak langsung memastikan bekalan air bersih tidak tercemar oleh aktiviti ternakan.
- (c) PBAPP juga telah membuat pelaburan sebanyak RM824 juta bagi pelaksanaan empat (4) projek infrastruktur pembekalan air melibatkan kerja-kerja menaik taraf saluran paip dan pembinaan loji baharu di bawah WCP 2030 dan dua (2) projek loji baharu Sg. Kerian dan Sg. Muda dengan kos pelaburan sebanyak RM1.023 bilion di bawah Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) serta projek-projek lain di bawah pembiayaan peruntukan Persekutuan bagi memastikan pembekalan air yang berterusan untuk menampung keperluan penduduk di Negeri Pulau Pinang di samping menambah kapasiti air terawat, mengurangkan risiko krisis air dan menyokong pertumbuhan ekonomi dan sosial negeri.
- (d) Kerajaan Negeri juga akan terus memastikan projek pemindahan air dari Sungai Perak dapat dilaksanakan dengan

segera untuk menampung keperluan penduduk Negeri Pulau Pinang sehingga Tahun 2050.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VII)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

21. Kemukakan perbelanjaan pembangunan dan naik taraf PBA Sdn. Bhd. dan anak syarikat mengikut butiran projek, takwim, nilai (RM) dan maklumat syarikat kontraktor pelaksana untuk tahun 2022 hingga 2025.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Pihak PBAPP telah mengemukakan perbelanjaan pembangunan dan naik taraf PBA Sdn. Bhd. dan anak syarikat mengikut butiran projek, takwim, nilai (RM) dan maklumat syarikat kontraktor pelaksana untuk tahun 2022 hingga 2025 seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN BHD
 SENARAI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN MENGIKUT BUTIRAN PROJEK, TAKWIN, NILAI (RM) DAN KONTRAKTOR UNTUK TAHUN 2022 - 2025

Tahun	NAMA PROJEK	Bilangan Projek	Kontraktor
Project Amount RM 5 million and above			
2022	Upgrading of 6 Nos Phase 2 Sedimentation Tanks (No. 9-14) to Stainless Steel Inclined Plates Type at Sg Dua WTP	1	PEMBINAAN ERA DINAMIK SDN BHD
2022	Projects amount >RM1 million to <RM5 million	7	
	Projects amount >RM 500k to <RM1 million	5	
	Projects amount <RM 500k	167	

Tahun	NAMA PROJEK	Bilangan Projek	Kontraktor
Project Amount RM 5 million and above			
2023	Design and Build 5 to MLD of DAF Plant at Bukit Panchor WTP under Emergency Plan	1	INYA WATER ENGINEERING (M) SDN BHD
2023	Design and Upgrading of Air Itam Old Water Treatment Plant (23MLD) Inclusive of Green Building Index Certification and Associated Works.	1	ECOBUILDERS SDN BHD
2023	Design, Supply, Deliver, configure and Commission of Water Network Optimisation for PBAPP (Phase 3 - Water Network Optimization for whole Penang State)	1	CTI RESOURCES Sdn Bhd
2023	Projects amount >RM1 million to <RM5 million	6	
	Projects amount >RM 500k to <RM1 million	11	
	Projects amount <RM 500k	203	

Tahun	NAMA PROJEK	Bilangan Projek	Kontraktor
Project Amount RM 5 million and above			
2024	Muda River Water Scheme Phase 4A Package 12A -114MLD Process Units and Associated works, Sg Dua WTP	1	INTAN HECTARE SDN BHD
2024	Projects amount >RM1 million to <RM5 million	13	
	Projects amount >RM 500k to <RM1 million	18	
	Projects amount <RM 500k	206	

Tahun	NAMA PROJEK	Bilangan Projek	Kontraktor
Project Amount RM 5 million and above			
2025	Kerja Pemasangan Paip Air Utama Yang Melintasi Sungai Perai di Dalam Kawasan Seberang Perai Utara Dan Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang (Design & Build).	1	KOK AUN ENGINEERING SDN BHD
2025	Rehabilitate Phase 1 Filter Bed To Dual Parallel Lateral Underdrain Rapid Gravity Sand System and Other Associated Works At Sungai Dua WTP	1	WASSER DYNAMIC SDN BHD
2025	Projects amount >RM1 million to <RM5 million	2	
	Projects amount >RM 500k to <RM1 million	1	
	Projects amount <RM 500k	32	

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A(VII)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

22. Apakah dasar Kerajaan Negeri berkaitan dengan kenderaan elektrik (EV)?
- (a) Apakah pelan tindakan telah dibuat bagi menggalakkan penggunaan EV di Pulau Pinang?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui PLANMalaysia@Pulau Pinang telah menguatkuasakan Garis Panduan Perancangan Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik (GPP EVCB) bermula 1 Ogos 2024 bagi memastikan pelaksanaan petak pengecasan EV di seluruh negeri dilakukan secara tersusun, seragam dan menepati piawaian teknikal serta keselamatan. Langkah ini juga menyokong matlamat pengurangan karbon dan kelestarian alam sekitar, selain menjadi rujukan utama bagi pihak berkuasa tempatan (PBT), pemaju, penyedia perkhidmatan dan agensi teknikal.
- (a) Pelan tindakan yang telah dibuat oleh PBT adalah seperti berikut:
- (i) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) setakat ini telah merekodkan sebanyak 291 unit petak pengecasan yang telah dipasang oleh pihak swasta di kawasan pulau.
- (ii) MBPP sedang dalam proses menjalankan pemasangan 106 unit EVCB di 53 lokasi menerusi 2 fasa pelaksanaan RFP. Fasa pertama (1) melibatkan pemasangan 52 unit

di 26 lokasi di mana 46 unit telah siap beroperasi dan baki 6 unit dijangka siap pertengahan tahun 2025.

- (iii) MBPP kini dalam proses memuktamadkan lokasi tapak pemasangan EVCB bagi RFP fasa dua (2) yang melibatkan 54 unit yang dijadualkan siap 30 Disember 2025.
- (iv) MBPP akan terus memperluas inisiatif ini berdasarkan keperluan semasa.
- (v) Manakala, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), beberapa langkah turut diambil termasuk penyediaan garis panduan dalaman pelaksanaan stesen pengecasan EV. Selain itu, MBSP juga telah menerima tawaran daripada lima syarikat untuk mengendalikan pengecasan di 51 petak letak kereta beroperasi, selain mengenal pasti sebanyak 120 unit pengecas EV yang telah dipasang oleh pihak swasta di kawasan persendirian dan strata.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VII)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

23. Nyatakan jumlah FDI yang diterima oleh Pulau Pinang sejak tahun 2010 hingga 2024 mengikut tahun dan suku tahun termasuk nilai pelaburan FDI yang diterima pada tahun 2025 mengikut suku tahun.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

23. Berdasarkan rekod rasmi daripada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), jumlah pelaburan langsung asing (FDI) dalam sektor pembuatan yang diluluskan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2024 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Setakat ini, nilai pelaburan langsung asing yang diluluskan bagi tahun 2025 mengikut suku tahun masih belum diterbitkan oleh MIDA.

LAMPIRAN A**JUMLAH PELABURAN LANGSUNG ASING (FDI) DALAM SEKTOR
PEMBUATAN (RM BILLION)**

TAHUN	JUMLAH PELABURAN LANGSUNG ASING (FDI) DALAM SEKTOR PEMBUATAN (RM BILLION)
2010	10.5
2011	7.1
2012	1.1
2013	1.8
2014	5.1
2015	4.5
2016	3.1
2017	8.5
2018	3.7
2019	15.0
2020	10.6
2021	74.4
2022	9.8
2023	60.1
2024	13.8

Sumber : MIDA

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VII)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

24. Kemukakan laporan audit dan kewangan terperinci Invest Penang 2020 hingga 2024 dan butiran terperinci perbelanjaan bajet dengan merangkumi penggajian 2025 yang telah dilaksanakan sehingga kini.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

24. Laporan Audit dan Kewangan terperinci investPenang bagi tahun 2020 sehingga 2023 adalah seperti di **LAMPIRAN A hingga LAMPIRAN D**. Manakala, Laporan Audit dan Kewangan bagi tahun 2024 masih belum lagi dikeluarkan oleh pihak auditor.

Butiran perbelanjaan peruntukan investPenang bagi tempoh Januari sehingga Mac 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN E**.

LAMPIRAN A**PENYATA AUDIT DAN KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31
DISEMBER 2020**

INVEST-IN-PENANG BERHAD
200401033189 (671697-P)
(Incorporated in Malaysia) [Limited by Guarantee]

**STATEMENT OF COMPREHENSIVE INCOME
FOR THE YEAR ENDED DECEMBER 31, 2020**

	Note	2020 RM	2019 RM
Other operating income		4,545,102	6,352,218
Administration cost		(4,520,693)	(6,124,620)
Other cost		(70)	(7)
PROFIT FROM OPERATION		24,339	227,591
Finance cost		(1,047)	(1,514)
PROFIT BEFORE TAXATION	12	23,292	226,077
Taxation	13	(23,292)	(54,258)
PROFIT FOR THE YEAR, REPRESENTING TOTAL COMPREHENSIVE INCOME FOR THE YEAR	15	-	171,819

LAMPIRAN B**PENYATA AUDIT DAN KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31
DISEMBER 2021**

INVEST-IN-PENANG BERHAD
200401033189 (671697-P)
(Incorporated in Malaysia) [Limited by Guarantee]

**STATEMENT OF COMPREHENSIVE INCOME
FOR THE YEAR ENDED DECEMBER 31, 2021**

	Note	2021 RM	2020 RM
Other operating income		4,115,895	4,545,102
Administration cost		(4,104,996)	(4,520,693)
Other cost		-	(70)
PROFIT FROM OPERATION		10,899	24,339
Finance cost		(707)	(1,047)
PROFIT BEFORE TAXATION	12	10,192	23,292
Taxation	13	(10,192)	(23,292)
PROFIT FOR THE YEAR, REPRESENTING TOTAL COMPREHENSIVE INCOME FOR THE YEAR	15	-	-

LAMPIRAN C

**PENYATA AUDIT DAN KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31
DISEMBER 2022**

INVEST-IN-PENANG BERHAD
200401033189 (671697-P)
(Incorporated in Malaysia) [Limited by Guarantee]

**STATEMENT OF COMPREHENSIVE INCOME
FOR THE YEAR ENDED DECEMBER 31, 2022**

	Note	2022 RM	2021 RM
Other operating income		5,693,371	4,115,895
Administration cost		(5,679,063)	(4,104,996)
Other cost		(689)	-
PROFIT FROM OPERATION		13,619	10,899
Finance cost		(444)	(707)
PROFIT BEFORE TAXATION	12	13,175	10,192
Taxation	13	(13,175)	(10,192)
PROFIT FOR THE YEAR, REPRESENTING TOTAL COMPREHENSIVE INCOME FOR THE YEAR	15	-	-

See accompanying notes to the financial statements.

...9/-

LAMPIRAN D**PENYATA AUDIT DAN KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31
DISEMBER 2023**

INVEST-IN-PENANG BERHAD
200401033189 (671697-P)
(Incorporated in Malaysia) [Limited by Guarantee]

**STATEMENT OF COMPREHENSIVE INCOME
FOR THE YEAR ENDED DECEMBER 31, 2023**

		<u>2023</u>	<u>2022</u>
	Note	RM	RM
Other operating income		5,520,535	5,693,371
Administration cost		(5,503,488)	(5,679,063)
Other cost		<u>(2)</u>	<u>(689)</u>
PROFIT FROM OPERATION		17,045	13,619
Finance cost		<u>(161)</u>	<u>(444)</u>
PROFIT BEFORE TAXATION	12	16,884	13,175
Taxation	13	<u>(16,884)</u>	<u>(13,175)</u>
PROFIT FOR THE YEAR, REPRESENTING TOTAL COMPREHENSIVE INCOME FOR THE YEAR	15	<u>-</u>	<u>-</u>

LAMPIRAN E**BUTIRAN PERBELANJAAN INVESTPENANG (JAN – MAR 2025)**

PERBELANJAAN	JUMLAH [RM/JUTA]
Aktiviti promosi pelaburan, pengurusan pengetahuan, penerbitan dan pemasaran	0.12
Kos pentadbiran, operasi, pembangunan sumber manusia, perbelanjaan pejabat, emolument dan lain-lain faedah	0.74
JUMLAH	0.86

Sumber : investPenang

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VII)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

25. Nyatakan dasar Kerajaan Negeri untuk memastikan industri penternakan lembu mematuhi undang-undang sedia ada.
- (a) Berapakah jumlah lembu berkeliaran berjaya ditangkap dari tahun 2013 hingga 2024?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. 90% daripada jumlah penternak ruminan di Negeri Pulau Pinang adalah dalam kategori skala tradisional dan kecil. Sekiranya penguatkuasaan enakmen diwujudkan, dikhuatiri penternak tidak dapat mematuhi enakmen ini dan perkara ini boleh merencatkan perkembangan industri ruminan di negeri ini. Justeru, penguatkuasaan di bawah undang-undang Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sedia ada dilihat lebih berkeperluan ketika ini untuk dilaksanakan dan dikuatkuasakan.

Bagi memastikan industri penternakan lembu mematuhi undang-undang sedia ada, pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

- (i) Melakukan pemeriksaan secara rutin, memantau aktif dan pasif secara berkala serta susulan aduan orang ramai di kawasan-kawasan *hotspot*;
- (ii) Menggalakkan penternak-penternak lembu/ruminan untuk memohon lesen ternakan MBSP serta mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi mengelakkan konflik dan caj penguatkuasaan; dan

- (iii) Menyokong dasar yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri selaras dengan Garis Panduan Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi memastikan industri ternakan khususnya lembu terus berkembang serta memenuhi syarat-syarat dan undang-undang yang berkuat kuasa di Negeri Pulau Pinang.

Data bagi kes tangkapan lembu di Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan MBSP adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Untuk makluman, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) tidak mempunyai kuasa dalam industri penternakan lembu terutamanya melibatkan kacau ganggu haiwan berkeliaran. Undang-Undang sedia ada terletak di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Ketika ini, JPV sedang melaksanakan Enakmen Penternakan Babi (2016) Pulau Pinang dan Enakmen Perladangan Unggas (2020) Pulau Pinang bagi memastikan industri babi dan unggas memenuhi keperluan seperti yang telah ditetapkan dalam Peraturan Enakmen yang berkuatkuasa memandangkan kedua-dua industri ini berskala besar dan berpotensi untuk mengakibatkan kacau ganggu. Penternak ruminan di Negeri Pulau Pinang, 90% masih kategori skala tradisional dan kecil. Sekiranya penguatkuasaan Enakmen diwujudkan, maka boleh merencatkan perkembangan industri ruminan di Negeri ini.

Oleh yang demikian, penguatkuasaan di bawah undang-undang PBT sedia ada dilihat lebih berkeperluan ketika ini untuk dilaksana dan dikuatkuasakan.

LAMPIRAN A

JUMLAH KES TANGKAPAN LEMBU BERKELIARAN

MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP)
DARI TAHUN 2013 HINGGA 2024

TAHUN	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024	JUMLAH
KES (EKOR)	21	22	23	29	64	53	47	36	35	19	18	18	385

MAJLIS BANDARAYASEBERANG PERAI (MBSP)
DARI TAHUN 2013 HINGGA 2024

TAHUN	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024	JUMLAH
KES (EKOR)	TIADA REKOD	TIADA REKOD	40	49	16	12	15	15	4	6	9	13	179

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VII)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

26. Kemukakan jumlah Beras Cap Feri yang terjual dari bulan Oktober 2024 hingga sekarang mengikut bulan dan bilangan yang dijual di KADUN Batu Lancang.
- (a) Nyatakan maklumat syarikat pembekal hiliran beras tersebut.

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Beras Cap Feri mula dilancarkan pada 19 Disember 2024. Sehingga 20 Mac 2025, jumlah pengeluaran adalah sebanyak 16,000 kampil (80 tan metrik) dengan nilai jualan adalah berjumlah RM272,000.00. Walau bagaimanapun, tiada sebarang aktiviti penjualan Beras Cap Feri di Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Lancang dari tahun 2024 sehingga kini.
- (a) Maklumat syarikat pengeluar Beras Cap Feri yang telah dilantik adalah seperti berikut:

Nama Pemegang Lesen	Nombor Lesen	Nombor Rujukan	Tempoh
Mohamed Meera Sahib (M) Sdn. Bhd.	C 7426	326-C-KDH-2024-021878	13 November 2024 sehingga 12 November 2025

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VII)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

27. Kemukakan laporan terkini perolehan lesen pengoperasian kilang dan borong beras dari Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras untuk Beras Cap Feri dan maklumat syarikat pemohon, pemegang dan pengguna lesen tersebut.

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Maklumat syarikat pengeluar Beras Cap Feri yang telah dilantik adalah seperti berikut:

Nama Pemegang Lesen	Nombor Lesen	Nombor Rujukan	Tempoh
Mohamed Meera Sahib (M) Sdn. Bhd.	C 7426	326-C-KDH-2024-021878	13 November 2024 sehingga 12 November 2025

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VII)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

28. PDC dan setiap anak syarikat PDC.

- (a) Kemukakan setiap pemberian projek tender kepada kontraktor pembida berjaya yang bukan harga terendah tender, sertakan harga kontraktor yang mendapat projek tender tersebut dan harga tender terendah yang gagal mendapat projek, kemukakan nama pengarah dan syarikat tersebut, dari tahun 2018 hingga kini.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

28. (a) Pemilihan kontraktor utama bagi semua projek-projek Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) adalah mengikut prosedur yang telah ditetapkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Perolehan Kerajaan (PK 2).

Jadual di bawah menunjukkan jumlah pemberian projek kepada kontraktor Pembida Berjaya yang bukan harga terendah tender bagi Projek Bangunan (Jadual 1) dan Projek Infrastruktur (Jadual 2) dari tahun 2018 hingga 2024.

**Jadual 1:
Jumlah Pemberian Projek Kepada Kontraktor Pembida Berjaya
Projek Bangunan Dari Tahun 2018 Hingga 2024**

Bil	Tahun	Jumlah projek kepada kontraktor pembida yang bukan harga terendah tender
1.	2024	3
2.	2023	4
3.	2022	4
4.	2021	Semua terendah
5.	2020	Semua terendah
6.	2019	Semua terendah
7.	2018	1

**Jadual 2:
Jumlah Pemberian Projek Kepada Kontraktor Pembida Berjaya
Projek Infrastruktur Dari Tahun 2018 Hingga 2024**

Bil	Tahun	Jumlah projek kepada kontraktor pembida yang bukan harga terendah tender
1.	2024	10
2.	2023	5
3.	2022	4
4.	2021	8
5.	2020	6
6.	2019	8
7.	2018	6

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VII)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

29. Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI).

- (a) Kemukakan setiap pemberian projek tender kepada kontraktor Pembida Berjaya yang bukan harga terendah tender, sertakan harga kontraktor yang mendapat projek tender tersebut dan harga tender terendah yang gagal mendapat projek tersebut, kemukakan nama pengarah dan syarikat tersebut, dari tahun 2018 hingga kini.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

29. (a) Sejak tahun 2018, Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) telah menguruskan perolehan tender mengikut kategori seperti berikut:

- (i) *Request for Proposal* (RFP) sebanyak 11 Perolehan;
- (ii) Tender Terbuka sebanyak tiga (3) Perolehan; dan
- (iii) Tender Terhad sebanyak empat (4) Perolehan.

Semua penawaran adalah kepada harga yang terendah untuk kategori tender jenis perkhidmatan dan kerja yang ditawarkan oleh CMI. Manakala, untuk RFP ianya ditawarkan kepada tawaran harga yang tertinggi.

Hanya satu tender kategori terhad telah diberikan kepada pembida kedua harga terendah (melempi tapisan penilaian dan harga *cut-off*) dan maklumat bagi tender tersebut adalah seperti berikut:

Tahun Perolehan	:	2021
Rujukan Perolehan	:	PSUKPP/TENDER/2/2021
Tajuk Perolehan	:	Membaik Pulih, Pindaan dan Tambahan Kepada Bangunan Pusat Penjaja 1 Tingkat Sedia Ada (Kompleks Mutiara Selera) Jalan Tanjong Bungah di Atas Lot 1633, Mukim 18, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang untuk Tetuan Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI)
Anggaran Jabatan	:	RM3,490,000.00
Harga <i>cut-off</i>	:	RM3,229,000.00
Pembida Berjaya	:	Syarikat: AOHA Designs & Construction Harga Tawaran: RM3,485,126.75 Pengarah: Encik Kenny Ooi Wei Boon
Pembida Tidak Berjaya	:	Syarikat: CLK Builder PLT Harga Tawaran: RM3,302,080.00 Pengarah: Encik Fam Jun Kai
Sebab Tidak Berjaya	:	(a) Kedudukan Penyata Akaun yang telah diaudit bagi tahun 2018, 2019 dan 2020 adalah tidak kukuh dan konsisten berbanding pembida lain. (b) Pengalaman dalam melaksanakan projek kemudahan awam dengan pihak Kerajaan Negeri dalam tempoh lima (5) tahun adalah kurang berbanding pembida lain.
Bantahan Keputusan	:	Tiada bantahan diterima dari pembida lain

Tiada sebarang keperluan untuk membatalkan dan mempelawa semula tender tersebut memandangkan kerja-kerja pembangunan di tapak perlu disegerakan atas dasar keselamatan memandangkan bangunan asal telah terbakar.

Penilaian bagi setiap perolehan tender oleh CMI diuruskan oleh Jawatankuasa Penilaian Tender yang ditubuhkan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan diluluskan di peringkat Lembaga Perolehan Negeri. Setiap penilaian berdasarkan kriteria penilaian yang sedia ada di bawah Pekeliling Perbendaharaan Malaysia di mana aspek teknikal dan kewangan akan diambil kira semasa proses penilaian. Proses pelawaan tender adalah melalui sistem e-Perolehan Negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(VII)30

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

30. Apakah tindakan konkrit yang diambil Pihak Berkuasa Tempatan dan Kerajaan Negeri bagi mengawal populasi burung merpati yang semakin membimbangkan serta menjejaskan kesihatan awam?
- (a) Adakah terdapat pelan jangka panjang, peruntukan khas atau kerjasama dengan NGO bagi menangani isu ini secara berkesan dan berterusan?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

30. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah meningkatkan operasi penangkapan burung merpati dari empat (4) kali seminggu kepada operasi secara harian. Selain itu, PBT juga menjalin kerjasama dengan syarikat *pest control* bagi mengenal pasti kaedah yang lain selain daripada menjala seperti penyemburan bahan kimia untuk mengelakkan hurungan burung merpati di lokasi-lokasi *hotspot*, penggunaan *bird repellent* di premis-premis di bawah seliaan PBT dan menabur gandum pemandulan bagi mengurangkan populasi burung.

Dalam pada itu, antara tindakan penguatkuasaan yang telah diambil di bawah Seksyen 47(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) sekiranya menaburkan sisa makanan di tempat awam termasuk tindakan undang-undang (pendakwaan di mahkamah) adalah seperti berikut:

- (i) Mengeluarkan notis mengkehendaki kacau ganggu dihapuskan di bawah Seksyen 82 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171);

- (ii) Mengeluarkan tawaran kompaun di bawah Seksyen 82(5), Akta 171 sekiranya berlaku ketidakpatuhan pada notis (1) berjumlah RM1,000.00 dan kompaun kebersihan di bawah Seksyen 47(1)(g) berjumlah RM250.00;
- (iii) Memberikan pendekatan berbentuk *Community Education and Awareness* (CEPA) seperti edaran risalah dan hebahan awam; dan
- (iv) Melaksanakan operasi menjala di kawasan yang menjadi tumpuan burung merpati.
- (a) Antara pelan jangka panjang yang sedang dirancang oleh PBT adalah mengadakan sesi libat urus bersama Badan Pengurusan Bersama (JMB/MC) dengan syarikat-syarikat *pest control* bagi mendapatkan perkhidmatan kawalan dan pencegahan burung agar kawasan berstrata adalah *bird proof* disamping menjalankan pemantauan secara harian di kawasan aduan serta kawasan *hotspot* merpati untuk mencegah aktiviti pemberian makanan oleh orang awam.

Selain itu, dalam menangani isu ini secara berkesan, pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) juga sedang dalam kajian atau perancangan untuk bekerjasama dengan pihak nelayan dan Kelab Menembak Pulau Pinang untuk membantu dalam pengawalan burung merpati selagi ia tidak bercanggah dengan Akta Kebajikan Haiwan 2015 [Akta 772].

Sementara itu, antara kaedah yang telah dilaksanakan oleh pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) ialah melalui projek *pigeon purge* seperti berikut:

- (i) Penangkapan: Operasi menjala, perangkap termasuk perancangan mengaplikasikan teknologi jitu (*precision technology*);
- (ii) Pendidikan: Aktiviti CEPA, pemasangan papan tanda yang lebih meluas.
- (iii) Penguatkuasaan: Mengenakan kompaun yang lebih agresif; dan

- (iv) Kajian dan penyelidikan jangka panjang: Bagi mengkaji intervensi berasaskan data.